

**MADKHAL**  
**PEMBANGUNAN KANDUNGAN**

**NAMA KURSUS / TOPIK:**

Sirah Nabawiyyah (Bahagian 1)

**OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN: -**

- a) **Memperkenalkan Konsep Sirah Nabawiyyah:** Memberikan pengenalan kepada Sirah Nabi Muhammad SAW, termasuk definisi, kepentingan, dan keistimewaan mempelajarinya.
- b) **Mengkaji Sejarah Perkembangan Ilmu Sirah:** Menganalisis sumber-sumber ilmu Sirah dan bagaimana ulama berinteraksi dengan riwayat-riwayat Sirah.
- c) **Memahami Zaman Jahiliyyah:** Mengkaji keadaan sosial, ekonomi, dan keagamaan sebelum kedatangan Islam untuk memahami latar belakang masyarakat Arab.
- d) **Menjelaskan Tanah Arab sebagai Lokasi Penyebaran Agama Islam:** Memahami keadaan sosial, ekonomi, dan agama bangsa Arab sebelum Islam dan mengapa tanah Arab dipilih sebagai lokasi permulaan penyebaran Islam.
- e) **Mengenal Kehidupan Nabi Sebelum Diutuskan:** Mengetahui peristiwa-peristiwa penting dalam hidup Nabi Muhammad SAW sebelum beliau diutuskan sebagai Rasul.

**BAHAGIAN-BAHAGIAN:**

<b>Bahagian A:</b> Topik-topik bagi Sesi Modul (1-5) dan Isi kandungan utama.....	3-11
<b>Bahagian B:</b> Material Modul bagi Sesi 1-5.....	13-57
<b>Bahagian C</b> Penilaian (Kuiz) .....	58
<b>Bahagian D</b> Rujukan .....	59

## SESI PERTAMA: PENGENALAN ILMU SIRAH

### **1. HASIL PEMBELAJARAN:**

- Peserta dapat menerangkan bagaimana ilmu Sirah dapat meningkatkan kefahaman tentang penerapan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.
- Peserta dapat mengenal pasti perbezaan pendekatan pengajian Sirah Nabawiyah oleh ulama.
- Peserta boleh menerangkan peranan Sirah Nabawiyah dalam menginspirasikan kecemerlangan akhlak dan kepimpinan.

**2. MASA KURSUS:** 30 minit sahaja

**3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pengenalan kepada sesi ini	5 minit
Pengertian Ilmu Sirah	<p>Sirah Nabawiyah merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Riwayat hidup baginda Nabi Muhammad s.a.w bermula daripada kelahirannya sehingga kepada kewafatan baginda.</li> <li>2. Riwayat hidup para sahabat Nabi s.a.w ; yang mana mereka telah berjuang bersamanya dan membenarkan apa yang telah dijanjikan Allah ke atas mereka.</li> <li>3. Sejarah penyebaran agama Islam.</li> </ol>	7 minit
Kepentingan mempelajari ilmu Sirah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perintah Allah s.w.t jadikan Nabi s.a.w sebagai ikutan dan pedoman.</li> <li>2. Penting bagi memahami Islam.</li> <li>3. Untuk memahami ayat-ayat al-Quran dengan maknanya yang sebenar dan tepat. kerana, kebanyakannya ayat-ayat al-Quran turun disebabkan asbabun nuzul.</li> <li>4. Memahami peribadi Nabi s.a.w.</li> </ol>	7 minit
Keistimewaan Sirah Nabi s.a.w.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menceritakan sejarah Nabi ataupun sejarah keagungan seorang tokoh islah yang paling</li> </ol>	5 minit

	<p>sahih melalui susur galur ilmiah yang paling tepat dan paling pasti.</p> <p>2. Kehidupan Rasulullah s.a.w. pada setiap peringkat hidupnya amat jelas.</p> <p>3. Kehidupan Baginda tidak disertakan dengan dongeng-dongeng, juga tidak ditokok tambah dengan sifat ketuhanan.</p> <p>4. Meliputi setiap sudut kemanusiaan yang dimiliki manusia.</p> <p>5. Memberi dalil yang tidak diragui tentang kebenaran risalah dan kenabian Baginda kepada kita.</p>	
Penutup	Penutup	5 minit

## **SESI KEDUA: SUMBER-SUMBER DAN SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU SIRAH**

### **1. HASIL PEMBELAJARAN:**

- Peserta dapat menggambarkan proses historis pengumpulan dan penulisan Sirah Nabawiyah, termasuk tantangan yang dihadapi.
- Peserta dapat membandingkan sumber-sumber utama Sirah Nabawiyah dan kredibilitasnya.
- Peserta dapat menjelaskan pengaruh sejarah perkembangan ilmu Sirah terhadap pemahaman modern tentang Sirah Nabawiyah.

**2. MASA KURSUS:** 30 minit sahaja

### **3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pengenalan	Pengenalan awal tentang sejarah pengumpulan ilmu Sirah dan pentingnya topik ini.	5 minit
Sumber-sumber rujukan penulisan Sirah	1. Al-Quran 2. Hadith 3. Kitab-kitab sejarah Rasulullah s.a.w <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syamail</li> <li>• Dalail</li> <li>• Maghazi wa Siyar</li> <li>• Kitab-kitab lain.</li> </ul>	7 minit
Sejarah Permulaan Penulisan Sirah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan ilmu sirah</li> <li>• Peringkat Pembukuan:               <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Individu</li> <li>2. Penduduk-penduduk wilayah Islam</li> <li>3. Pengumpulan maklumat dari seluruh wilayah Islam.</li> </ol> </li> </ul>	7 minit
Bagaimanakah ulama berinteraksi	Pendekatan ulama sirah dalam berinteraksi dengan riwayat sirah lebih longgar. Mereka tidak menetapkan syarat sesuatu riwayat mestilah	7 minit

dengan riwayat-riwayat sirah?	<p>bersambung sanad riwayat tersebut hingga ke Nabi SAW.</p> <p>Riwayat sirah yang hanya berstatus daif masih boleh digunakan selagimana tidak sampai kepada tahap maudu' serta bukan berkaitan dengan hukum hakam seperti halal dan haram.</p> <p>Bahkan, kaedah ini diterima dan diguna pakai oleh majoriti ulama hadis di zaman salaf dan khalaf dalam penerimaan riwayat-riwayat sirah. Selain itu, Sesebuah riwayat sirah mestilah tidak bercanggah dengan riwayat lain yang lebih kuat di samping tidak mengurangkan martabat dan kredibiliti Nabi SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda SAW.</p>	
Penutup	Penutup bagi sesi ini	2 minit

**SESI KETIGA: ZAMAN JAHILIYYAH – GAMBARAN KUASA-KUASA BESAR DAN BANGSA-BANGSA PADA ABAD KEENAM MASEHI.**

**1. HASIL PEMBELAJARAN:**

- Peserta dapat menerangkan ciri-ciri utama masyarakat Jahiliyyah dan pengaruhnya terhadap penyebaran Islam.
- Peserta boleh menerangkan kesan Zaman Jahiliyyah terhadap kehidupan awal Nabi Muhammad SAW.
- Peserta boleh menganalisis perbezaan antara nilai Jahiliyyah dan nilai yang diajar oleh Islam.
- Peserta mempelajari empayar-empayar kuasa-kuasa besar sebelum kedatangan Islam

**2. MASA KURSUS:** 30 minit sahaja

**3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pendahuluan	5 minit
Definisi zaman jahiliyyah	Zaman Jahiliyyah didefinisikan sebagai tempoh sebelum kenabian Nabi Muhammad SAW, yang berlangsung selama lebih kurang satu setengah abad sebelum kenabian. Ia dinamakan Zaman Jahiliyyah kerana kejihilan dan kefasikan yang tersebar di dalamnya, yang merupakan makna berlawanan dengan Islam yang merujuk kepada tunduk dan taat kepada Allah, serta perilaku yang baik.	5 minit
Empayar Rom	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tamadun Rom boleh dibahagikan kepada tiga zaman, iaitu Zaman Beraja (753 – 509 SM), Zaman Republik (509 – 27 SM), dan Zaman Empayar (27 SM- 476 M).</li> <li>• Tamadun Rom berkembang meliputi tiga buah benua, iaitu Asia, Afrika, dan Eropah.</li> </ul>	5 minit

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masyarakat dalam Tamadun Rom terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu kalangan Patrician atau atasan, Plebian yang terdiri daripada 8etani, artisan, peniaga dan golongan hamba.</li> </ul>	
Empayar Parsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Empayar Parsi dilihat lebih besar dan kuat daripada Empayar Byzantine.</li> <li>Rajanya mempercayai bahawa mereka adalah daripada keturunan dewa mereka.</li> <li>Segala sesuatu yang dihasilkan di kawasannya adalah milik raja-raja.</li> </ul>	5 minit
India	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perempuan tiada nilai</li> <li>Perempuan membakar diri sendiri selepas kematian suami</li> <li>Perempuan dilarang kahwin semula selepas meninggalnya suaminya</li> <li>Sistem kasta</li> </ul>	5 minit
Agama-agama dominan di dunia sebelum kedatangan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kristians</li> <li>Yahudi</li> <li>Buddhism</li> </ul>	5 minit
Penutup	Penutup sesi ini	2 minit

**SESI KEEMPAT: TANAH ARAB SEBAGAI TAPAK LOKASI BERMULANYA PENYEBARAN AGAMA ISLAM**

**4. HASIL PEMBELAJARAN:**

- Peserta boleh menerangkan faktor geografi dan sosial yang menjadikan Tanah Arab sebagai lokasi strategik penyebaran Islam.
- Peserta boleh menerangkan perubahan sosial, ekonomi dan agama di dunia Arab hasil daripada penyebaran Islam.
- Peserta boleh mengenal pasti peristiwa penting dalam sejarah awal penyebaran Islam di dunia Arab dan kesannya kepada dunia.

**5. MASA KURSUS:** 30 minit sahaja

**6. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pendahuluan	5 minit
Awal masyarakat arab dan peradabannya	1) Orang Arab awal 2) Peradaban Orang Arab Awal	5 minit
Status sosial, politik, ekonomi, dan agama di Arab sebelum Islam.	1) Agama 2) Situasi Politik Semenanjung Arab 3) Situasi Ekonomi semenanjung Arab 4) Masyarakat Arab 5) Adab dan akhlak orang arab	5 minit
Mekkah sebelum zaman Nabi s.a.w	1) Nabi Ismail di Mekkah 2) Quraish 3) Penyembahan berhala di Mekkah	5 minit
Antara peristiwa sebelum lahirnya Nabi s.a.w	1) Abd Muttalib menggali telaga Zamzam 2) Tentera bergajah Abrahah	5 minit
Penutup	Penutup sesi ini	5 minit

## **SESI KELIMA: KEHIDUPAN BAGINDA SEBELUM DIUTUSKAN SEBAGAI RASUL**

### **7. HASIL PEMBELAJARAN:**

- Peserta boleh menyebut peristiwa penting dalam kehidupan awal Nabi Muhammad SAW dan pengaruhnya terhadap dakwah baginda.
- Peserta dapat menggambarkan watak dan sifat kepimpinan Nabi Muhammad SAW sebelum kenabian.
- Peserta dapat menerangkan bagaimana latar belakang kehidupan Nabi Muhammad SAW mempersiapkan baginda untuk memegang jawatan sebagai Utusan Allah.

**8. MASA KURSUS:** 40 minit sahaja

### **9. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -**

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pendahuluan	3 minit
Bani Hasyim merupakan keturunan Quraisy yang paling mulia. Manakala Quraisy pula adalah kabilah 'Arab yang paling mulia dan berketurunan bersih.	Bani Hasyim merupakan keturunan Quraisy yang paling mulia. Manakala Quraisy pula adalah kabilah 'Arab yang paling mulia dan berketurunan bersih.	3 minit
Baginda membesar sebagai anak yatim	Baginda membesar sebagai anak yatim. Bapa Baginda, Abdullah telah meninggal dunia ketika ibu Baginda baru mengandungkan Baginda dua bulan. Apabila Baginda berusia 6 tahun, ibu Baginda, Aminah pula meninggal dunia.	3 minit
Empat tahun pertama zaman kanak-kanak di padang pasir, di perkampungan Bani Saad.	Rasulullah s.a.w. menghabiskan empat tahun pertama zaman kanak-kanak di padang pasir, di perkampungan Bani Saad. Oleh itu, Baginda membesar dengan tubuh yang kuat, jasmani yang sejahtera, lidah yang fasih, jiwa yang berani dan mampu menunggang kuda dengan baik sekalipun masih kecil usianya.	3 minit
Baginda s.a.w. mengembala	Pada awal remaja, Baginda s.a.w. mengembala kambing untuk penduduk Makkah dengan bayaran upah beberapa qirat (1/24 dinar).	3 minit

kambing di awal remaja		
Peristiwa perletakan Hajarul Aswad ke tempatnya di Kaabah	Kaabah telah dilanda banjir menyebabkan dindingnya retak. Oleh itu, penduduk Makkah membuat keputusan meruntuhkannya dan memperbaharui binaannya.	3 minit
Semasa remaja, Baginda s.a.w. dikenali sebagai seorang yang jujur dan amanah	Baginda terkenal dengan hubungan baik, menepati janji, perjalanan hidup mengikut landasan yang lurus dan reputasi baik. Ini menarik minat Khadijah untuk memberi tawaran kepada Baginda agar memperniagakan harta dagangannya	5 minit
Bermusafir keluar dari Makkah sebanyak dua kali	Pertama, bersama bapa saudara Baginda, Abu Tolib ketika berusia 12 tahun. Kedua, Ketika berusia 25 tahun, sebagai peniaga kepada harta dagangan Khadijah.	5 minit
Gua Hira	Baginda berkhalawah di dalamnya selama sebulan kerana memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah dan kehebatan kekuasaan-Nya. Perkara ini berterusan sehingga datang wahyu dan turunnya al-Quran al-Karim kepada Baginda.	5 minit
Pengajaran dan Pedoman Daripada kisah-kisah di atas	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. orang ramai akan lebih tertarik untuk mendengar seruan pendakwah berada di kedudukan yang mulia.</li> <li>2. Ketabahan pendakwah menanggung keperitan sebagai anak yatim atau kesusahan hidup semasa kecil, menjadikan beliau lebih sensitif dan memahami.</li> <li>3. Kesejahteraan rasional dan pemikiran</li> <li>4. Orang yang cerdik dan cerdas selayaknya memegang tumpuk dakwah</li> <li>5. Perlu bergantung kepada usaha peribadinya dan sumber pencarian yang mulia, iaitu tidak mengemis.</li> <li>6. Dan lain-lain</li> </ol>	5 minit



Penutup	Penutup sesi ini	3 minit
---------	------------------	---------

## BAHAGIAN B: MATERIAL

### **SESI PERTAMA: PENGENALAN ILMU SIRAH**

#### **PENGERTIAN ILMU SIRAH**


Sirah Nabawiyyah berasal daripada perkataan Arab iaitu "السيرة النبوية". Istilah "السيرة" itu sendiri, dalam konteks bahasa, merujuk kepada sunnah, jalan, tingkah laku, serta keadaan atau kejadian yang berlaku kepada seseorang manusia atau entiti lain.

Manakala as-Sirah an-Nabawiyyah (السيرة النبوية) atau sirah Nabi, dan kutub as-Sirah, diambil daripada perkataan as-Sirah dengan makna: jalan hidup, termasuk di dalamnya pelbagai peristiwa seperti peperangan dan lain-lain. Dikatakan, "aku telah membaca sirah si fulan," bererti, sejarah atau riwayat hidupnya.

Sirah Nabawiyyah boleh diringkaskan merangkumi perkara utama:

1. Riwayat hidup Baginda Nabi Muhammad S.A.W bermula dari kelahirannya sehingga kewafatannya. Ini merangkumi semua aspek kehidupan dan aktiviti Nabi, termasuk dakwah, pengajaran, perjuangan, dan lain-lain.
2. Riwayat hidup para sahabat Nabi S.A.W, yang merupakan orang-orang yang beriman dan mendampingi Nabi dalam perjuangan menyebarkan Islam. Mereka adalah individu-individu yang sangat dipercayai dan dihormati dalam Islam kerana pengorbanan dan kesetiaan mereka kepada Nabi dan ajaran Islam.
3. Sejarah penyebaran agama Islam, yang bermula dari turunnya wahyu pertama kepada Nabi Muhammad S.A.W di dalam Gua Hira, yang disampaikan oleh Malaikat Jibril (A.S.). Sejarah ini meliputi penyebaran Islam dari Mekah ke seluruh wilayah Arab dan kemudian ke luar wilayah Arab, serta peristiwa-peristiwa penting di mana orang ramai memeluk agama Islam secara beramai-ramai.

Perkara-perkara ini penting untuk memahami asal-usul dan perkembangan agama Islam serta pentingnya peranan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat dalam menyebarkan ajaran Islam ke seluruh dunia.



## **Apakah Faedah-Faedah Mempelajari Sirah Nabi SAW?**

### **1. Allah memerintahkan Umat Islam Mengikuti Sunah Nabi SAW**

Allah SWT telah memerintahkan dalam al-Quran agar umat Islam mengikuti Sirah dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21 menyatakan, "Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW itu suri teladan yang baik bagimu," menekankan pentingnya mengambil teladan dari kehidupan Nabi Muhammad SAW. Untuk benar-benar meneladani dan mengikuti Nabi, seseorang harus mengenal sirah (sejarah hidup) dan petunjuk Nabi, yang hanya bisa diperoleh melalui penulisan sirah, periyawatan hadis, dan sunnah-sunnahnya. Dari pengetahuan ini, umat Islam bisa mengambil faedah yang dapat diteladani dan diambil iktibar untuk diterapkan dalam kehidupan mereka

### **2. Untuk mempelajari kehidupan manusia teragung**

Mengenal Peribadi Nabi Muhammad S.A.W: Melalui sirah, kita dapat mengenal peribadi Nabi Muhammad S.A.W sebagai uswah hasanah (contoh teladan yang baik), dari sikap, akhlak, hingga cara beliau berdakwah.

### **3. Untuk memahami konteks ayat Al-Quran**

Kami mempelajari Sirah Nabi untuk memahami ayat-ayat Al-Quran dengan lebih mendalam dan tepat. Banyak ayat Al-Quran diturunkan sebagai respons kepada situasi tertentu, menjawab soalan yang diajukan kepada Nabi, atau menjelaskan hukum mengenai peristiwa tertentu.

Melalui Sirah, kita dapat memahami konteks dan sebab di sebalik wahyu ayat-ayat ini. Nabi Muhammad SAW kemudiannya akan menerangkan dan mengajar sahabat cara yang betul untuk beramal dengan ayat-ayat ini, sekali gus membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang cara menerapkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan

### **4. Sirah Nabawiyyah merupakan usul yang wajib ke atas setiap muslim untuk mengetahuinya;**

Sirah Nabawiyyah dititikberatkan sebagai asas asas ilmu bagi setiap muslim, setelah mengenal Allah dan agama Islam. Inilah prinsip ketiga yang wajib diketahui dan dipelajari, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab dalam karyanya. Pengenalan Nabi Muhammad SAW setelah mengenal Allah dan Islam menunjukkan kedudukan penting dalam mempelajari Sirah Nabawiyyah dalam membina kefahaman agama yang menyeluruh.

Mengenali Nabi Muhammad SAW merangkumi lima aspek penting:

- Keturunan: Mengenal keturunan Nabi Muhammad SAW yang mulia.
- Riwayat Hidup: Mengetahui perincian tentang tarikh dan tempat kelahiran serta kewafatan Nabi termasuk peristiwa hijrahnya ke Madinah.
- Sejarah 23 Tahun Kenabian: Memahami 23 tahun Kenabian, sejak diutuskan hingga kewafatannya.

- Sebab Kenabian dan Risalah: Nabi Muhammad SAW diutuskan menjadi Nabi dengan turunnya ayat-ayat awal Surah Al-Alaq dan menjadi Rasul dengan ayat-ayat awal Surah Al-Muddathir.
- Tujuan Rasul: Diutus untuk mempersatukan Allah dan membawa syariat-Nya, sebagai rahmat kepada alam semesta, mengeluarkan manusia dari kegelapan syirik kepada cahaya ilmu, keimanan dan ketauhidan, menuju keampunan dan keredhaan Allah, dan jauh dari azab dan kemurkaanNya .

## 5. Memperdalam pengetahuan dalam berbagai aspek keilmuan Islam

Ilmu Sirah Nabawiyyah menawarkan pemahaman mendalam dalam berbagai aspek, termasuk:

Aqidah: Fokus pada mentauhidkan Allah, menunjukkan pentingnya akidah dalam dakwah Nabi Muhammad SAW, memulai dakwah dengan tauhid dan mengajak manusia mentauhidkan Allah.

Hukum-hakam: Melalui sirah, kita memahami hukum-hakam Islam dari persoalan yang diajukan kepada Nabi dan peristiwa-peristiwa yang direkodkan, membantu kita memahami ayat Al-Quran dan hukum sesuatu perkara.

Akhlik dan Suluk: Sirah mengajarkan akhlak mulia Nabi Muhammad SAW dalam berinteraksi dengan sahabat, keluarga, dan masyarakat, menekankan pentingnya akhlak dalam Islam.

Dakwah: Menekankan pentingnya dakwah, uslub dakwah, dan kesabaran dalam berdakwah, mempelajari cara Nabi dan sahabat dalam menyebarkan Islam.

Melalui sirah, kita belajar tentang pentingnya memahami dan mengamalkan akidah, hukum-hakam, akhlak, dan prinsip dakwah dalam kehidupan sehari-

### **Apakah Keistimewaan Mempelajari Ilmu Sirah?**

#### **a) Keaslian Dan Kebenaran Sejarah Yang Tidak Diragukan;**

Keistimewaan Nabi Muhammad S.A.W. terletak pada keluhuran dan kepastian sejarahnya, berbeza dengan sirah rasul-rasul lain yang sering dikelirukan dengan pemalsuan. Ketulenan Sirah Nabi disokong oleh sanad yang kuat, menjadikannya mudah untuk menolak tambahan palsu. Berbeza dengan sirah Musa a.s. dan Isa (a.s.), kesahihan sumbernya dipertikaikan kerana penulisan kemudian dan pilihan Bible tanpa asas sejarah yang kukuh. Sirah tokoh agama lain seperti Buddha dan Confucius juga menghadapi keraguan yang sama, kerana pergantungan mereka kepada tradisi lisan atau sumber yang tidak disahkan, dan ianya ditulis selepas kematian tokoh tersebut. Berbanding nabi SAW sirahnya jelas ditulis semasa hayat Baginda melalui sumber-sumber yang mutawatir.

#### **b) Kejelasan tentang Setiap Peringkat Kehidupan Nabi**

Kejelasan tentang setiap peringkat kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. merupakan satu ciri unik yang membezakan Sirah Nabi dengan kisah-kisah nabi lain. Bermula dari perkahwinan kedua ibu bapa Baginda, Abdullah dan Aminah, sehingga kewafatan baginda, setiap perincian kehidupan Baginda disampaikan dengan jelas. Maklumat tentang zaman kanak-kanak, masa remajanya, bagaimana dia mencari nafkah sebelum menjadi Nabi, dan perjalannya ke luar

Mekah, semuanya dicatat dengan teliti. Selepas diutuskan sebagai Rasul, kehidupan Baginda didokumentasikan dengan lebih terperinci lagi, menawarkan pengetahuan yang mendalam tentang aktiviti harian Baginda, pergaulan dengan keluarga dan sahabat handai, ibadah, serta sikap dan tingkah laku Baginda. Berbeza dengan rasul-rasul lain seperti Musa a.s. dan Isa a.s., di mana maklumat tentang zaman kanak-kanak, remaja, dan kehidupan sebelum kenabian sangat terhad, menjadikan Sirah Nabi Muhammad S.A.W. berdiri unik dan lengkap, memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang keperibadiannya.

**c) Sirah Nabi SAW Menonjolkan Sifat Manusawi Tanpa Tokok Tambah Cerita Dongeng**

Sirah Nabi Muhammad S.A.W. mengisahkan tentang kehidupan seorang manusia biasa yang dilantik menjadi rasul tanpa menambahkan sifat ketuhanan mahupun dongeng. Berbeza dengan kisah tentang Isa (as), Buddha, atau tokoh pemujaan lain yang sering dihiasi dengan unsur ketuhanan, Sirah Nabi menekankan sifat manusia yang boleh dikaitkan. Ini menjadikan Nabi Muhammad S.A.W. boleh dijadikan suri teladan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan sama ada peribadi mahupun sosial berbanding tokoh lain yang tidak boleh dijadikan teladan sepenuhnya kerana sifat ketuhanan mereka. Kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. menunjukkan bagaimana seseorang boleh menjalani kehidupan yang bahagia dan mulia, menjadikannya model yang hebat untuk diikuti.

**d) Sirah Nabi Sebagai Suri Teladan**

Sirah Nabi Muhammad S.A.W. adalah naratif yang menyeluruh tentang kehidupan manusia, menunjukkan Baginda sebagai seorang pemuda yang amanah, seorang pendakwah yang gigih, seorang pemimpin negara yang bijak, seorang suami dan ayah yang penyayang, seorang pendidik yang cemerlang, seorang sahabat yang setia, dan seorang pahlawan yang berani. Ini merangkumi semua aspek kemanusiaan, menjadikannya model peranan universal. Ini berbeza dengan tokoh lain seperti Musa, Jesus, Buddha, Confucius, atau tokoh sejarah seperti Napoleon, yang mungkin hanya mewakili contoh dalam aspek kehidupan tertentu. Sirah Nabi Muhammad S.A.W. adalah unik kerana ia mempersempitkan model untuk pelbagai peranan dalam kehidupan, membezakannya daripada sirah atau biografi tokoh lain yang mungkin hanya tertumpu pada satu dimensi keperibadian atau pencapaian mereka.

**e) Bukti Logik Kebenaran Risalah dan Kenabian Muhammad S.A.W**

Sirah Nabi Muhammad S.A.W. unik kerana membuktikan kebenaran risalah dan kenabian Baginda melalui kehidupan yang nyata dan logik, bukan melalui mukjizat yang melanggar adat resam. Dakwah baginda berkembang atas dasar kepercayaan, bukan paksaan atau mukjizat, mencapai kejayaan melalui cara biasa dan rasional. Fakta ini, bersama dengan kemenangan Baginda walaupun dalam keadaan yang tidak sama rata, menunjukkan bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah yang sebenar. Al-Quran, sebagai mukjizat utama, diakui oleh akal sebagai bukti kebenaran kenabian Muhammad, berbeza dengan sirah nabi-nabi terdahulu yang banyak bergantung kepada mukjizat untuk mendapatkan kepercayaan.

Sirah Nabi Muhammad menawarkan bukti logik dan rasional tentang kebenaran dakwah kenabian, yang mengundang dialog dengan akal dan hati, bukan melalui tuntutan mukjizat yang luar biasa.

Dalil-dalil yang mendukung hal tersebut antara lain firman Allah dalam Al-Qur'an yang menegaskan bahwa cukuplah bagi mereka (orang-orang mukmin) bahwa Allah telah menurunkan Al-Qur'an yang mengandung rahmat dan peringatan (Al-Ankabut: 50-51), dan balasannya. Nabi menjawab tuntutan mukjizat dari kaum Quraisy dengan menyatakan bahawa baginda adalah manusia biasa yang menjadi rasul (Al-Isra': 93). Al-Quran dengan jelas menetapkan bahawa Muhammad adalah manusia dan rasul, menekankan dialog berdasarkan akal dan hati dalam membenarkan tuduhan kerasulan.

## **SESI KEDUA: SUMBER-SUMBER DAN SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU SIRAH**

### **SUMBER-SUMBER RUJUKAN PENULISAN SIRAH**

#### **1. Al-Quran al-Karim**

Al-Quran merupakan sumber rujukan asasi yang kita ambil daripadanya Sirah Nabi s.a.w. Al-Quran al-Karim telah menyingkap kehidupan Nabi s.a.w. semasa kecil:

أَلْمْ يَجِدُكَ يَتِيمًا فَأَنْوَىٰ (٦) وَوَجَدَكَ صَالًا فَهَدَىٰ (٧)

*Bukankah Dia mendapat engkau yatim piatu lalu Dia memberikan perlindungan? Dan didapatiNya engkau mencari-cari (jalan yang benar), lalu Dia memberikan hidayah petunjuk (dengan wahyu - Al-Quran)? (Ad-Dhuha: 6-7)*

Al-Quran juga memaparkan akhlak Baginda yang mulia dan terpuji:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ (٤)

*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (Al-Qalam: 4).*

Al-Quran turut membicarakan tentang kesusahan yang dihadapi oleh Baginda SAW. di jalan dakwah. Al-Quran juga menyebut tentang beberapa gelaran yang diberikan oleh orang musyrik kepada Baginda demi menyekat agama Allah SWT daripada tersebar, seperti ahli sihir dan orang gila. Selain itu, al-Quran juga memaparkan hijrah Rasul SAW, serta membentangkan pertempuran-pertempuran penting yang Baginda lalui selepas Hijrah. Antaranya Perang Badar, Uhud, Ahzab, Perdamaian Hudaibiyah, Pembukaan Makkah dan Perang Hunain. Al-Quran juga memperkatakan tentang sesetengah mukjizat Baginda seperti mukjizat Isra' dan Mi'raj.

Ringkasnya al-Quran telah membicarakan banyak peristiwa dalam Sirah Rasul SAW. Oleh kerana al-Quran merupakan kitab paling dipercayai di atas muka bumi dan terbukti kebenaran secara mutawatir, seorang manusia yang berakal tidak sepatutnya terfikir untuk meragui nas-nas dan kekuuhan fakta sejarahnya. Oleh itu, peristiwa-peristiwa sirah yang didedahkan oleh al-Quran ini secara mutlak dianggap sebagai sumber sirah paling sahih.

Namun dapat diperhatikan bahawa al-Quran tidak menyingkap peristiwa sirah secara terperinci, tetapi sekadar menyentuhnya secara ringkas. Dalam membicarakan sesuatu kisah perang, al-Quran tidak menyatakan sebab-sebab berlaku peperangan tersebut, bilangan orang Islam dan orang musyrik yang terlibat, mahupun bilangan tentera yang terbunuh atau ditawan di kalangan orang musyrik. Ia sekadar membincangkan pengajaran perang dan pedoman yang boleh diambil. Demikianlah sikap al-Quran dalam setiap kisah berkenaan para nabi dan umat terdahulu. Oleh itu kita tidak boleh berpada dengan hanya bergantung kepada nas-nas al-Quran yang berkaitan dengan Sirah Nabi SAW untuk mendapatkan gambaran kehidupannya yang lengkap.

## 2. Al Sunnah al Nabawiyyah

Sunnah Nabi s.a.w. yang sahih terkandung dalam kitab karangan para imam hadis yang diakui kejujuran mereka lagi dipercayai di dunia Islam. Kitab-kitab itu ialah:

Kitab Sunan Sittah (enam buah kitab hadis): Iaitu kitab Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan an-Nasaie, Sunan at-Tirmizi dan Sunan Ibnu Majah. Begitu juga kitab al-Muwatto' karangan Imam Malik dan Musnad Imam Ahmad. Kitab-kitab ini, terutamanya Sahih Bukhari dan Sahih Muslim berada di tangga teratas dari aspek kesahihan, dipercayai dan pembuktianya. Sementara kitab-kitab lain mengandungi hadis-hadis sahih dan hasan. Sesetengahnya juga mengandungi hadis daif.

Sumber yang kedua ini lebih luas dan terperinci dari yang pertama. Sebahagian besar kisah kehidupan Nabi s.a.w., peristiwa, peperangan dan amalan Baginda terkandung dalam kitab-kitab ini. Daripadanya, kita dapat membentuk pemikiran yang menyeluruh berkenaan Sirah Rasul SAW (sekalipun ia kadang-kadang tidak saling melengkap). Antara perkara yang meningkatkan kepercayaan dan penerimaan terhadap kitab-kitab ini ialah, hadis-hadisnya telah diriwayatkan dengan sanad yang bersambung hingga kepada para sahabat r.a. Mereka yang bergaul dengan Rasulullah dan sentiasa bersama Baginda. Rasulullah SAW sendiri yang mendidik mereka. Oleh itu mereka adalah generasi paling sempurna dalam sejarah. Sama ada dari segi keluhuran akhlak, kekuatan iman, kejujuran percakapan, ketinggian roh dan kesempurnaan akal. Dengan ini, setiap hadis yang mereka riwayatkan daripada Rasul dengan sanad yang sahih dan bersambung, kita wajib menerimanya sebagai satu hakikat sejarah tanpa ragu lagi.

Sungguhpun begitu kemungkinan masih lagi tidak dapat memberikan gambaran yang lengkap tentang kehidupan Rasulullah SAW sejak dilahirkan hingga wafatnya atas beberapa sebab:

- a) Oleh kerana kitab-kitab hadith ini disusun mengikut tajuk-tajuk fiqh ataupun unit-unit kajian yang bersangkut dengan syariat Islam, maka hadith-hadith yang menceritakan tentang kehidupan Rasulullah SAW bercampur-campur di dalam tajuk-tajuk yang pelbagai.
- b) Para ahli hadith terutamanya penyusun kitab hadith yang enam tidak memerhatikan soal ini ketika mengumpulkannya untuk disusun mengikut sejarah hidup Rasulullah, apa yang mereka titik beratkan ialah penyusunan mengikut tajuk-tajuk seperti tajuk fiqh yang disebutkan.

Para orientalis yang mempunyai misi tersembunyi cuba meragukan kesahihan kitab-kitab sunan yang berada di hadapan kita ini. Mereka turut disokong oleh orang Islam yang menjadi pengikut mereka. Mereka mempunyai pegangan agama yang rapuh dan terpengaruh dengan Barat dan cendikiawannya. Tujuan mereka semua ialah meruntuhkan Syariah dan menimbulkan keraguan terhadap peristiwa dalam Sirah. Namun Allah yang bertanggungjawab memelihara agamaNya, telah menyediakan golongan yang menolak kebatilan dan tipu daya tersebut sehingga menjerut batang leher mereka sendiri. Dalam sebuah buku Dr. Mustafa al-Sibaei, *as-Sunnah wa Makanatuha min at-Tasyri al-Islami* (Sunnah dan Kedudukannya Dalam Perundangan Islam), beliau telah dedahkan penat

lelah ulama kita menyaring Sunnah Nabi SAW. Beliau juga menyenaraikan beberapa kekeliruan yang ditimbulkan oleh para orientalis dan pengikut mereka.

### 3. Buku-buku berkenaan Syamail

Buku-buku ini ditulis dengan memberikan tumpuan kepada sifat-sifat keperibadian, fizikal dan akhlak Nabi Muhammad SAW, adat-istiadatnya, kelebihan-kelebihannya, serta tingkah laku terpujinya pada waktu siang dan malam.

Antara kitab Syamail yang paling masyhur adalah kitab Syamail karangan Imam Tirmidzi Muhammad bin Isa, wafat pada tahun 279H. Terdapat syarahan yang banyak ditulis bagi kitab ini.

Antaranya yang lain ialah kitab "Akhlak Nabi dan Adabnya" oleh al-Hafiz Abu Muhammad Abdullah bin Muhammad bin Jaafar bin Hibban al-Isbahani yang dikenali sebagai Abu Syaikh. Kitab ini menghimpunkan hadis-hadis yang jarang ditemui di tempat lain. Kedua-dua kitab ini merupakan antara sumber rujukan paling kaya yang dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji sirah Nabi SAW.

Kitab-kitab seumpama ini, termasuk Syamail, mengandungi hadis-hadis yang disandarkan sanadnya, meliputi hadis sahih, hasan, daif malah termasuk yang maudhu' (palsu). Sesetengah kitab ini lebih baik berbanding yang lain, bergantung kepada pemilihan dan metodologi yang digunakan oleh pengarangnya. Kewujudan kitab-kitab rijal al-hadith dan al-jarh wa al-ta'dil memudahkan tugas para pengkaji dan memandu mereka mencapai matlamat penyelidikan.

Walaupun kitab-kitab Syamail dan yang serupa dengannya seperti Dalail merupakan sebahagian daripada kesusasteraan hadith, namun pengkhususannya terhadap aspek-aspek tertentu dalam kehidupan ianya diasingkannya sebagai sumber rujukan yang berdiri sendiri menurut pandangan Dr. Farouq Hammadah.

### 4. Buku-Buku Dalail

Buku-buku Dalail ditulis dengan tujuan mengumpulkan mukjizat-mukjizat yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai bukti kenabian baginda. Ia dinamakan mukjizat kerana makhluk tidak mampu menandingi atau melakukan yang serupa.

Ada mukjizat yang merupakan di luar kemampuan manusia biasa. Manusia langsung tidak berupaya untuk menirunya, seperti menghidupkan semula orang mati, menukar tongkat menjadi ular, mengeluarkan unta dari batu, pokok yang bercakap, air pancut dari jari baginda dan bulan terbelah, yang mana semuanya di luar kemampuan manusia dan hanya mampu dilakukan oleh Allah SWT. Apabila mukjizat sebegini berlaku pada diri Nabi Muhammad SAW, ia membuktikan kebenaran baginda dan mencabar sesiapa yang mendustakannya untuk melakukan sesuatu yang setanding dengannya.

Nabi Muhammad SAW telah dikurniakan dengan mukjizat yang sangat banyak, selain mukjizat utamanya iaitu al-Quran. Menurut al-Imam al-Nawawi di dalam muqaddimah

syarah Sahih Muslim, jumlah mukjizat baginda melebihi 1,200. Sementara al-Baihaqi dalam "al-Madkhal" pula berkata ia mencecah 1,000. Sungguhpun kemungkinan setiap satu mukjizat tersebut secara individu tidak sampai ke tahap *qat'i* (pasti), namun kesemuanya secara kolektif semestinya memberikan kepastian yang tidak berbelah bahagi.

Dan terdapat dua buah kitab penting yang telah dipelihara serta sampai kepada kita, iaitu: "Dala'il al-Nubuwwah" oleh Abu Nuaim al-Asbahani yang wafat pada tahun 430H, dan "Dala'il al-Nubuwwah" oleh al-Hafiz Ahmad bin al Husain al-Baihaqi yang wafat pada tahun 458H. Mengenainya, al-Dhahabi berkata dalam "Siyar A'lam al-Nubala'", "Peganglah ia (kitab ini) kerana keseluruhannya adalah petunjuk, manfaat dan penyembuh untuk segala yang tersimpan di dalam dada."

Al-Hafiz al-Sakhawi berkata: "Ia (kitab ini) merupakan yang paling jitu (di dalam menyimpan hadis) dan mungkin yang paling baik (di antara kitab-kitab mukjizat).

Kedua-duanya (Abu Nuaim dan al-Baihaqi) meriwayatkan hadis-hadis beserta sanadnya, meliputi hadis saihih, hasan dan daif. Namun metodologi penulisan mereka memisahkan antara satu sama lain."

Al Imam al-Suyuti telah mengumpulkan sejumlah besar dalail dan syamail dalam kitab beliau, "al-Khasais al-Kubra".

Mengasing dan mengkhususkan kajian terhadap dalail, syamail dan akhlak Nabi SAW dalam bentuk kitab atau penyelidikan tertentu amat penting kerana ia membentuk bahan dan sumber rujukan yang kaya untuk para pengkaji bidang sosial dan psikologi. Kajian terperinci terhadapnya boleh membuka dimensi dan haluan baru dalam pengajian berkenaan. Oleh yang demikian, adalah wajib untuk menyajikannya dalam bentuk yang tulen, bebas dari hadis-hadis yang palsu, supaya ia benar-benar boleh dimanfaatkan.

## **5. Buku-buku Maghazi dan Siyar (peperangan dan biografi)**

Kitab-kitab ini secara asasnya membincangkan berkenaan peperangan Rasulullah SAW dan pertempuran-pertempuran baginda. Ia juga tidak ketinggalan membuat pendahuluan dengan membincangkan perkara-perkara lain dalam kehidupan baginda dan sejarah Arab. Ekspedisi-ekspedisi perang Nabi SAW telah menjadi perhatian umat Islam sejak zaman awal lagi.

Perhatian seumpama ini jelas kelihatan dalam kalangan para sahabat dan anak-anak sahabat RA, di mana mereka bertanyakan para bapa mereka tentang penglibatan mereka bersama Rasulullah SAW dan kenangan ketika bersama baginda. Ini kerana anak-anak mereka berbangga dengan pengalaman terdahulu para bapa mereka dan juga peristiwa hebat yang dialami mereka bersama Nabi SAW.

Antara mereka ialah Urwah bin Zubair bin Awwam, sahabat Rasulullah SAW dari Mekah yang wafat pada tahun 94H. Muhammad bin Yusuf al-Salihi berkata: "Orang yang pertama menyusun kitab mengenai peperangan (maghazi) Rasulullah ialah Urwah bin Zubair,

kemudian diikuti oleh dua orang muridnya: Musa bin Uqbah dan Muhammad bin Syihab al-Zuhri."

Dr. Farouq Hammadah menyebutkan di dalam bukunya "Masadir al-Sirah al-Nabawiyyah" bahawa:

*Para ulama sepanjang zaman meneliti apa yang terdapat dalam kitab-kitab biografi, dan menerangkan yang lemah, palsu dan direka, seperti cerita kepadaman api orang-orang Parsi sewaktu kelahiran Nabi SAW, cerita tasik yang kering, tergoncangnya istana Kisra, cerita burung ababil dan lain-lain. Seorang pengkaji yang jujur mesti merujuk kepada mereka dan menilai hujahnya untuk mengenalpasti kebenaran*

*Jika sesuatu berita dari berita-berita dalam sumber-sumber asal sirah nabawiyah, terutama daripada kitab-kitab maghazi dan siyar, datang tanpa sanad, atau sanadnya lemah terutama dari segi mursal, dan tiada nas sahih terbukti yang menentangnya, maka yang saya lihat adalah bahwa kesepakatan dan persetujuan ini memperkuat dan mendukung berita tersebut, dan membuat kita cenderung mempercayainya.*

*Penyebaran luas sesuatu berita dalam halaqah-halaqah pengajian zaman awal tanpa bantahan daripada ulama utama juga merupakan pengukuh yang penting bagi sesuatu berita, sebagaimana berlaku pada hadis-hadis. Kerap kali dalam kitab-kitab sirah dan maghazi dinyatakan: "Mereka bersepakat atas perkara ini..." Maka pengkaji sirah Nabi apabila menjumpai berita sebegini hendaklah berpegang erat padanya dengan kedua-dua belah tangannya.*

## **6. Buku-buku sejarah berkenaan Mekkah dan Madinah**

Seperti buku "Tarikh Mekkah (Sejarah Mekkah)" oleh Abu Walid Muhammad bin Abdullah al- Azraqi (250H) dan "Sejarah Mekkah dan riwayat berkenaannya" oleh Ibn Najjar (643H) dan lain-lain.

## **7. Buku-buku sejarah lain.**

Buku-buku yang mengambil berat berkenaan sejarah umat-umat dan negara-negara sebelum kedatangan Islam dan selepas kedadangannya. Contohnya buku "Sejarah umat-umat, rasul-rasul dan raja-raja" disusun oleh al-Imam Abu Ja'far al-tobari (310H).

## **8. Sastera Arab**

Contohnya syair-syair arab pada Zaman Kerasulan. Tidak diragui bahawa orang musyrik telah menyerang Rasul SAW dan dakwah Baginda melalui lidah para penyair mereka. Ini memaksa orang Islam menjawabnya melalui lidah para penyair mereka pula seperti Hasan bin Thabit, Abdullah bin Rawwahah dan lain-lain lagi. Buku-buku sastera dan sirah yang ditulis selepas zaman itu mengandungi banyak syair-syair sebegini. Melalui syair-syair ini, kita dapat membuat kesimpulan tentang fakta-fakta berkaitan suasana persekitaran SAW hidup dan dakwah Islam mula lahir.

## SEJARAH PERMULAAN PENULISAN SIRAH

Perihal riwayat hidup Muhammad Rasulullah SAW di zaman silam adalah melalui dan mulut ke mulut tanpa mendapat perhatian untuk dibukukan, walaupun terdapat sebilangan kecil yang cuba menitikberatkan perhatiannya terhadap kejadian dan peristiwa-penistiwa dalam sejarahnya itu,

Setelah beberapa ketika terdapat beberapa orang cuba mencatat riwayat hidup Rasulullah SAW, antara mereka seperti 'Urwah Ibnu Al Zubair (wafat, 92H), Abari bin 'Othman (wafat, 105H), Wahb bin Munabbih (wafat, 110H), Syurahbil bin Sa'd (wafat. 123H) dan Ibnu Syihab Al Zuhri (wafat, 124H).

Sayangnya apa yang dituliskan oleh mereka ini telah hilang. Hanya tinggal beberapa bahagian, setengahnya terdapat dalam kitab Al-Tabrani manakala sebahagian yang lain pula tersimpan di bandar Heidelberg di Jerman, Bahagian yang tersimpan di Jerman ini ialah sebahagian daripada tulisan Wahb bin Munabbih (110H).

Kemudian timbul pula satu angkatan penyusun riwayat hidup Rasulullah SAW yang terkemuka antara mereka ialah Muhammad bin Ishaq (wafat, 152H) kemudian lapisan kedua, antara mereka ialah Al Waqidi (wafat, 207H) dan Muhammad bin Sa'ad (wafat pada tahun 230H) penyusun kitab Al-Tabaqat Al-Kubra.

Ahli sejarah sebulat suara mengatakan bahawa apa yang ditulis oleh Muhammad bin Ishaq merupakan satu-satunya maklumat (dokumen) sejarah Rasulullah SAW yang paling benar dan boleh dipegang. Tetapi malangnya kitab beliau yang berjudul Al Maghazi Wa Al Siyar telah hilang dan kehilangannya mengakibatkan hilangnya intisari perpustakaan di zaman itu.

Setelah masa beredar setengah abad lamanya barulah timbul seorang jaguh yang lain iaitu Abu Muhammad Abdul Malek yang lebih dikenal dengan Ibnu Hisyam, beliau telah menghidangkan kepada kita saringan sejarah Rasulullah SAW dengan cara yang menarik sekali.

Sebenarnya apa yang dikarang oleh Ibnu Hisyam itu adalah kandungan "Al Maghazi Wa Al Siyar" yang dikarang oleh Ibnu Ishaq dalam bentuk ringkasan. Ibnu Hisyam telah meriwayatkannya dalam kitab sirah beliau daripada jalan riwayat gurunya, al-Bakkaie, salah seorang murid Ibnu Ishaq yang terkenal.

Ibnu Khillikan telah menegaskan dalam bukunya begini:

*"Ibnu Hisyam ini ialah orang yang mengumpulkan Riwayat Rasulullah SAW daripada Kitab "Al Maghazi Wa Al Siyar" yang dikarang oleh Ibnu Ishaq setelah disaring dan dibuat beberapa pembaharuan, tambahan dan ringkasan. Kemudian hasil itu dikenali dengan nama "Sirah Ibnu Hisyam"*

Akhirnya barulah orang lain cuba mengikuti jejak langkah mereka ini dalam usaha mengarang dan menyusun sejarah hidup Rasulullah SAW, terdapat antara mereka yang cuba membentangkan pelbagai aspek hidup Rasulullah SAW. Penulisan Sirah terus berkembang. Sesetengah aspek telah ditulis secara khusus dan berasingan seperti, Dala-il an-Nubuwah

(Tanda-tanda Kenabian) oleh al Asbahani, Syama-il al-Muhammadiyyah (Perwatakan Muhammad) oleh al-Tirmidzi, Zadul Ma'ad (Bekalan ke Tempat Kembali) oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, as-Syifa' (Kesembuhan) oleh Qadhi 'Iyadh dan al-Mawahib al-Ladunniyah (Bakat-bakat Kurniaan Tuhan) oleh al-Qastallani. Ia disyarah dalam lapan jilid oleh al-Zurqani yang meninggal pada tahun 1122H.

Demikianlah, 'ulama masih terus menulis berkenaan Sirah dengan cara moden yang diterima oleh citarasa masa kini. Di antara kitab paling terkenal pada zaman moden kita ialah kitab Nur al-Yaqin fi Sirah Sayyid al-Mursalin oleh Syeikh Muhammad al-Khudhori rahimahullah. Kitabnya telah mendapat sambutan yang baik dan diputuskan untuk dipelajari di sekolah-sekolah agama di kebanyakan ceruk rantau Alam Islami.

### **Peringkat pembukuan**

Kenyataan dari catatan sejarah menerangkan bahawa pembukuan berkenaan berita-berita, hukum hukum, dan hadith-hadith Rasulullah SAW mempunyai tiga peringkat:

Pertama:

Usaha penulisan dan pengumpulan dilakukan oleh mereka yang mempunyai maklumat berkenaan akhbar dan sirah. Peringkat ini memakan masa sehingga tahun 100H. Pengusahanya terdiri dari para sahabat dan Kibar Tabi'in.

Kedua:

Usaha penulisan dan pengumpulan yang dibuat oleh penduduk- penduduk bandar di wilayah negara Islam. Di mana mereka mendapati maklumat-maklumat itu dari ulama tempatan dan ditulis pada beberapa tempat. Peringkat kedua memakan masa sehingga tahun 150H. Usaha itu dijalankan oleh barisan Sighar al-Tabi'in dan Tabi'in al-Tabi'in.

Ketiga:

Usaha pengumpulan yang dilakukan untuk mengumpul maklumat dari seluruh bandar wilayah Islam. Ditulis pada satu tempat atau buku. Peringkat ini memakan masa dari tahun 150H. sehingga abad ke 3H. Zaman ini dikenali dengan zaman *Muhaddith* dan *Aimmah al-Sunnah*, seperti Imam Ahmad bin Ismail al-Bukhari, Imam Muslim bin al-Hajjaj, Sulaiman bin a Ash'ath al-Azdi; Imam Abu Abd. Rahman Ahmad bin Shu aib al-Nasai; Imam Muhammad bin Isa al-Turmudhi, Imam Ahmad bin Hambal, dan lain- lain. Catatan inilah yang dapat diwarisi oleh generasi kemudian.

Usaha yang dilakukan pada peringkat pertama dikumpulkan dan dibukukan pada peringkat kedua. Kemudian usaha yang dilakukan pada peringkat kedua dikumpul, disusun dan dibukukan dengan lebih lengkap pada peringkat ketiga. Hasil dari perkembangan tersebut, terhasilah kitab-kitab yang besar di dalam bidang-bidang, Hadith, Sirah, Akhbar dan lain-lain. Hal yang seperti ini tidak berlaku kepada umat lain selain dari umat Islam.

## **Bagaimanakah ulama berinteraksi dengan riwayat – riwayat sirah?**

Dalam isu penilaian riwayat biasanya perkara ini sinonim dengan ulama hadis kerana mereka yang menetapkan satu garis panduan khas dalam menilai sesuatu riwayat. Hal ini kerana, bagi mengelakkan berlakunya penyebaran riwayat-riwayat yang palsu dan menyeleweng yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW. Manakala dalam lapangan sirah, *tarikh* dan *maghazi* (kisah-kisah peperangan) pendekatan penilaian riwayat yang digunakan oleh ulama *mu'arrikhun* (ulama sirah) berbeza berbanding penilaian yang dilakukan dalam lapangan hadis.

### **Kaedah yang Digunakan Oleh Ulama Hadis Dalam Meriwayatkan Kisah yang Berkaitan Sirah dan Sejarah.**

Dalam periyawatan sirah, sekurang-kurangnya terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh ulama hadis ketika berinteraksi dengannya.

#### **Pandangan pertama:**

Sebahagian ulama *mutaakhirin* sedikit tegas dalam berinteraksi dengan riwayat sirah. Mereka mensyaratkan riwayat sirah mestilah diriwayatkan dengan sanad yang sahih. Syeikh Muhammad Abdullah al-Ausyan menyatakan bahawa riwayat sahih sudah memadai sehingga tidak perlu lagi kepada riwayat-riwayat lemah dalam bab berkaitan sirah Nabi SAW. Imam Ibn Mubarak dalam hal ini berkata:

في صحيح الحديث غنية عن سقيمه

**Maksudnya:** *Hadis-hadis yang sahih sudah memadai berbanding hadis-hadis yang bermasalah.*

Menurut pandangan ini menentukan kebenaran sesebuah kisah berkaitan sirah mestilah mengikut kepada kaedah yang digunakan oleh ulama hadis tanpa membezakan antara riwayat sirah dengan yang lainnya. Dalam hal ini, syeikh al-Albani berkata bahawa sebahagian orang beranggapan semua riwayat yang ada dalam kitab sirah tidak boleh untuk dikritik sama sekali. Ini merupakan pandangan yang salah kerana status kebenaran sesuatu riwayat masih boleh dipertikaikan berdasarkan kaedah yang digunakan oleh ulama hadis.

#### **Pandangan kedua:**

Manakala sebahagian ulama yang lain bersikap lebih terbuka dalam meriwayatkan kisah-kisah berkaitan sirah Nabi SAW. Menurut Syeikh Akram Diya' al-Amri menerima hanya hadis yang sahih dalam bab berkaitan sirah merupakan suatu yang melampau. Hal ini kerana, berpada dengan riwayat yang sahih akan menyebabkan banyak kelompongan yang berlaku dalam penceritaan sirah. Oleh itu memadailah dengan mengambil kira *adalah* (keadilan) dan *dhabit* (ingatan) orang yang meriwayatkan sesebuah kisah berkaitan sirah. Selain itu menurut pandangan ini apabila terdapat riwayat yang kelihatan zahirnya bercanggah maka metod ahli hadis dalam mengharmonikan antara dua riwayat yang bercanggah boleh digunakan.

#### **Pandangan ketiga:**

Jumhur ulama hadis sedikit mempermudah jika sesuatu riwayat berkaitan dengan sirah dan sejarah. Namun jika mereka meriwayatkan hadis-hadis yang berkaitan dengan halal dan

haram maka mereka akan bertegas. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahman bin Mahdi:

إذا روينا في الثواب والعقاب وفضائل الأعمال، تساهلنا في الأسانيد، وتسامحنا في الرجال، وإذا روينا في الحلال والحرام والأحكام،  
تشددنا في الأسانيد وانتقدنا الرجال

**Maksudnya** “*Apabila kami meriwayatkan berkaitan pahala, dosa dan kelebihan beramal kami akan sedikit mempermudah dalam bab sanad dan perawi, adapun jika kami meriwayatkan dalam bab hukum hakam seperti halal dan haram kami akan lebih tegas dalam bab sanad dan kritikan kepada perawi-perawi hadis .*

Perkataan yang hampir sama turut diungkapkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam Sufyan al-Thauri sebagaimana yang direkodkan oleh Imam al-Khatib al-Baghdadi dalam *al-Kifayah fi Ilmi al-Riwayah*. Ini juga merupakan pendapat Imam al-Nawawi, Imam Badrudin Ibn Jamaah, Imam Taybi, Imam al-Bulqini dan Imam al-Iraqi.

Menurut Ibn Rajab al-Hambali dalam *Syarah Ilal al-Tirmizi*, kebanyakan ulama seperti Ibn Mahdi dan Imam Ahmad tidak terlalu tegas dalam meriwayatkan kisah-kisah berkaitan sirah, mereka memberarkan kisah-kisah berkaitan sirah diriwayatkan dari perawi yang lemah. Selain itu, Imam Ibn Solah dalam kitabnya *Muqadimah Ibn Solah* menjelaskan bahawa dibolehkan untuk sedikit mempermudah dalam bab sanad dan meriwayatkan semua jenis hadis *daif* kecuali *maudu'* tanpa perlu untuk menerangkan kedudukan hadis tersebut jika riwayat tersebut berkaitan dengan nasihat, kisah dan kelebihan beramal.

### **Kaedah Berinteraksi dengan Riwayat Sirah, Tarikh dan Maghazi(Kisah-kisah peperangan)**

Antara tokoh sejarah yang masyhur dalam lapangan sirah, tarikh dan maghazi(kisah-kisah peperangan) ialah Musa bin 'Uqbah, Abu Ma'syar, Ibn Ishaq dan al-Waqidi. Perkara ini sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Sa'ad dalam *al-Tabaqat al-Kubra* bahawa keempat-empat tokoh ini merupakan pakar dalam bidang sirah dan maghazi(kisah-kisah peperangan) berbanding tokoh-tokoh lain.

Dalam banyak hal, orang Arab zaman sebelum kedatangan Islam sangat teruk dari segi akhlak dan moral mereka, mereka meminum arak, dan kerap berjudi, mereka mengambil harta anak yatim, mencuri, mengamalkan riba, dan berzina. Walaubagaimanapun, hanya hamba abdi perempuan dan pelacur sahaja yang melakukan zina, amat jarang wanita merdeka bersalah melakukan kesalahan itu. Selepas penaklukan Mekah, ketika Nabi SAW sedang menerima bai'ah (sumpah setia) daripada wanita-wanita, baginda menyebut bahawa mereka mesti tidak mempersekuatkan Allah SWT, dan tidak mencuri ataupun berzina. Setelah mendengar ini, Hindun binti 'Utbah, isteri kepada Abu Sufyaan bertanya dengan hairan, "Adakah wanita merdeka berzina?"

Bukan semua orang Arab melakukan kejahatan yang disebutkan tadi. Ramai di kalangan mereka tidak berzina, ada yang tidak minum arak atau menumpahkan darah dengan sia-sia, ada yang tidak terfikir langsung untuk mengamalkan riba atau mencuri harta anak yatim. Dan, dengan adilnya, orang Arab juga mempunyai banyak kualiti baik, yang menjadikan mereka bersedia dengan sempurna untuk memikul tanggungjawab membawa panji-panji Islam. Berikut adalah antara beberapa sifat yang baik yang ada pada mereka:

#### 1. Kecerdasan/Kebijaksanaan semulajadi

Pertama, mereka mempunyai ingatan yang sangat kuat. Perhatikan keluasan bahasa mereka. Dalam bahasa Arab, terdapat 80 perkataan yang bermaksud "madu", 90 yang bermaksud "rubah", 500 yang bermaksud "singa", 1000 yang bermaksud "unta," dan 1000 yang

bermaksud "pedang." Sudah pasti, untuk dapat menghafal semua perkataan ini, orang Arab mesti mempunyai ingatan yang sangat kuat.

Orang Arab buta huruf, namun mereka sangat menyukai puisi sama banyak, atau lebih daripada mana-mana bangsa lain yang celik huruf dan beradab. Tetapi untuk mengekalkan puisi, dan untuk menurunkannya kepada generasi akan datang, mereka terpaksa bergantung kepada komunikasi lisan dan ingatan kuat untuk mengingati puisi panjang. Cinta mereka terhadap bahasa, dan kurangnya gangguan, seperti skrin televisyen yang memudarkan minda, seterusnya menggalakkan perkembangan ingatan kuat.

Sebaik sahaja mereka menjadi Muslim, orang Arab menggunakan kualiti ini untuk perkhidmatan Islam. Oleh itu, seseorang tidak harus terkejut untuk mengetahui bahawa ramai daripada para Sahabat Nabi menghafal al-Quran, dan beberapa individu di kalangan mereka menghafal ratusan, atau dalam beberapa kes ribuan hadis dan kemudian menyampaikannya kepada generasi Muslim berikutnya.

## 2. Kemurahan Hati

Sifat murahan hati sudah sebatи dalam kalangan orang Arab. Jika seorang Arab hanya memiliki seekor unta, dan seorang tetamu datang melawatnya, dia akan, tanpa berfikir panjang, menyembelih unta itu dan memberi daging unta itu kepada tetamunya.

## 3. Keberanian

Orang Arab akan memuji seorang lelaki terkorban di medan perang, dan akan merendahkan seorang lelaki yang meninggal dunia dengan aman di atas pembaringannya. Jika sesiapa berani menyerang kehormatan mereka, mereka akan mempertahankannya dengan nyawa mereka. Walaupun sesetengah orang Arab berperang atas sebab-sebab remeh, dan yang lain berperang demi matlamat jahat, ramai juga orang Arab berperang untuk menegakkan keadilan, kerap kali bukan untuk diri mereka sendiri tetapi untuk yang lemah, tua, dan tidak berdaya. Mereka akan menganggapnya sebagai noda pada watak mereka jika mereka tidak membantu orang yang tertindas atau dizalimi yang datang kepada mereka untuk mencari pertolongan dan perlindungan.

## 4. Cinta kepada kebebasan, dan kebencian terhadap penindasan dan penghinaan

Empayar utama pada waktu itu iaitu Rom dan Parsi tidak campur tangan dalam kehidupan orang Arab. Padang pasir yang luas di Semenanjung adalah rumah orang Arab, yang menyukai kebebasan dan tidak berada di bawah kawalan raja atau pemerintah secara langsung. Kehormatannya bermakna lebih daripada nyawanya sendiri. Jika sesiapa berani menghinakannya, dia tidak akan berfikir dua kali untuk membunuhnya.

### **Mekkah sebelum zaman Nabi s.a.w**

#### **(1) Nabi Ismail di Mekkah**

Nabi Ibrahim turun ke lembah Mekah yang dikelilingi gunung-ganang, batu dan cerucuk yang tandus dan kasar. Tidak ada sesuatu untuk menampung kehidupan, tidak air mahupun tumbuh-tumbuhan, atau bijirin makanan, yang boleh didapati di sana. Dia membawa bersamanya isterinya Hajar dan anak lelaki mereka Isma'il. Ibrahim telah berkeliaran di gurun untuk berpindah jauh dari penyembahan berhala dan untuk mendirikan pusat ibadat kepada Tuhan Yang Esa, di mana dia boleh mengundang orang lain untuk sujud kepada Tuhan seluruh alam.

Dia mahu meletakkan asas, pusat yang menjadi sinaran ketaatan terhadap tauhid, iman dan kebenaran. Tuhan memberkati kesungguhan Ibrahim dan lembah yang kering ini. Ibrahim telah meninggalkan isteri dan anaknya yang masih bayi di wilayah yang tidak sesuai untuk diduduki ini. Di sini, di tengah-tengah bukit-bukit, Allah SWT dengan rahmatnya mengalirkan air dari bumi yang dipanggil perigi Zamzam sehingga ke hari ini.

Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Isma'il AS bersama-sama membina Kaabah (Baitullah). Doa mereka yang dikisahkan di dalam al Quran ialah:

- agar Allah menerima Baitullah ini serta memberkatinya;
- kurniakan kepada mereka berdua, hidup dan mati dalam Islam;
- semoga warisan ini tidak terputus setelah kematian mereka, sebaliknya diwarisi oleh zuriat mereka;
- Mudah-mudahan zuriat itu melindunginya, bersungguh-sungguh memeliharanya, menyeru kepadanya dan mengutamakannya atas segala yang mulia, sehingga seruan ini tersebar ke seluruh dunia; dan
- Semoga Allah mengutuskan di dalamnya Nabi daripada keturunan Ibrahim, yang meneruskan seruan datuknya (Ibrahim) dan menyempurnakan apa yang dimulakannya.

#### **(2) Suku Quraish**

Tuhan mengabulkan setiap doa yang disampaikan oleh Ibrahim dan Isma'il. Keturunan Isma'il berkembang, sehingga lembah tandus itu dipenuhi oleh zuriat Ibrahim. Isma'il telah mengambil seorang gadis dari suku Jurhum, sebagai isterinya. Dalam keturunan Isma'il, 'Adnan dilahirkan yang silsilahnya diiktiraf sebagai yang paling mulia dalam kalangan mereka. Orang Arab amat mengambil berat terhadap kemuliaan bangsa dan darah, sentiasa menyimpan silsilah keturunan 'Adnan dalam perbendaharaan ingatan mereka.

'Adnan mempunyai banyak anak di mana Ma'add adalah antara yang paling masyhur. Antara anak-anak Ma'add, Mudar lebih terkemuka; kemudiannya Fihir b. Malik dalam silsilah Mudar mencapai kemasyhuran; dan akhirnya keturunan Fihir b. Malik b. Mudar dikenali sebagai Quraysh. Justeru itu wujud puak Quraysh, bangsawan Mekah, yang silsilah dan kedudukan tinggi mereka di kalangan suku kaum Arab serta kehebatan retorik dan kefasihan berbahasa, kesopanan, kesatriaan dan ketelusan minda mereka telah dipersetujui sebulat suara oleh sekalian. Pengiktirafan yang diberikan kepada Quraysh tiada bantahan di seluruh Semenanjung itu.

### (3) Penyembahan berhala di Mekkah

Suku Quraisy terus menganuti agama datuk mereka Ibrahim dan Ismail sehingga 'Amr b. Luhayy menjadi ketua puak Khuza'ah. Dialah yang pertama menyimpang dari agama yang dibawa Nabi Ismail, dia mendirikan berhala-berhala di Mekah dan menyuruh penduduk menyembah dan memuliakannya. 'Amr b. Luhayy juga mengubah undang-undang halal dan haram yang telah ditetapkan. Diceritakan bahawa pada suatu ketika 'Amr b. Luhayy pergi dari Mekah ke Syam untuk urusan perniagaan di mana dia mendapati penduduk di sana menyembah berhala. Dia begitu kagum dengan cara penyembah berhala sehingga dia membawa pulang beberapa berhala untuk dipuja oleh penduduk Mekah.

### Antara Peristiwa-Peristiwa Penting Sebelum Lahirnya Nabi S.A.W

Sebelum meneruskan berkenaan kelahiran Nabi dan tahun-tahun awal baginda, kita bincangkan di sini peristiwa-peristiwa yang mempunyai kaitan langsung dengan Islam, yang mewakili zaman jahiliyyah, atau yang menandakan perubahan besar yang bakal berlaku di Semenanjung Arab dan seluruh dunia.

#### (a) Abd Muttalib menggali telaga Zamzam

Dalam buku yang sangat bermanfaatnya, Saheeh As-Seerah An-Nabawiyyah, Shaikh Ibraaheem Al-'Alee menyebutkan sebuah hadis saih yang menggambarkan bagaimana 'Abdul-Muttalib menemui dan menggali telaga Zamzam. Sudah tentu, Hajarlah yang pertama kali menemui telaga Zamzam, tetapi buku-buku sejarah mencatat bahawa akibat kejadian generasi-generasi berikutnya, telaga Zamzam menjadi tertimbus dan, jika tidak dilupakan, sekurang-kurangnya hilang - sehingga zaman 'Abdul-Muttalib. 'Ali bin Abi Talib meriwayatkan bahawa Abdul Muttalib berkata, "Semasa aku sedang tidur di Al-Hijr (sebahagian Ka'bah yang terletak di sebelah utara), seseorang datang kepadaku dan berkata,

'Gali Taibah (Taibah berasal dari perkataan Tayyib, yang bermaksud kebaikan).' 'Apakah Taibah itu?' tanyaku, tetapi dia kemudian meninggalkanku. Keesokan harinya, aku kembali ke tempat tidurku (di Al-Hijr). Ketika aku tertidur di situ, dia datang kepadaku (lagi) dan berkata, 'Gali Barrah (Barrah berasal dari perkataan Birr, yang bermaksud kebaikan dan kesucian).' 'Apakah Barrah itu?' tanyaku, tetapi dia (sekali lagi) meninggalkanku.

Keesokan harinya, aku kembali ke tempat tidurku. Dan ketika aku tertidur di situ, dia datang kepadaku dan berkata, 'Gali Al-Madnoonah.' 'Apakah Al-Madnoonah itu?' tanyaku, tetapi dia pergi (sekali lagi tanpa menjawabku). Keesokan harinya, aku kembali ke tempat tidurku.

Selepas aku tertidur di situ, dia datang kepadaku dan berkata, 'Gali Zamzam.' 'Apakah Zamzam itu?' tanyaku. Dia berkata, 'Ia (adalah sebuah telaga) yang tidak pernah kering, dan ia tidak dikutuk (iaitu, ia segar dan baik). Ia adalah minuman bagi mereka yang datang untuk mengerjakan Haji. Dan ia terletak di antara najis dan darah, di lubang mata gagak Al-' Asim (iaitu, gagak yang mempunyai keputihan pada kakinya), di kampung semut-semut (jadi pergilah dan carilah ia di situ).'

Setelah menyedari kepentingan dan lokasi telaga Zamzam, 'Abdul-Muttalib keluar (untuk mencarinya) dengan membawa sebuah beliung (pickaxe). Dia membawa bersamanya Al-Haarith ibn 'Abdul-Muttalib, yang ketika itu merupakan satu-satunya anak lelaki 'Abdul-

Muttalib. Apabila 'Abdul Muttalib melihat tepi telaga itu, dia mengagungkan Allah SWT dengan berseru, "Allahuakbar (Allah Maha Besar)!" Dengan suara seruannya itu, puak Quraisy mengetahui bahawa dia telah menemui apa yang dicarinya, lalu mereka mendatanginya. Mereka berkata, "Wahai 'Abdul Muttalib, ini sememangnya telaga datuk kami, Ismaa'eel, dan kami mempunyai hak ke atasnya, jadi jadikanlah kami sebagai rakan kongsi bersama engkau padanya (iaitu, pemilikannya)." Dia berkata, "Aku tidak akan berbuat demikian; ini adalah sesuatu yang aku, dan bukan kamu, telah dipilih secara khusus, dan yang telah dianugerahkan kepadaku dari kalangan kamu." Mereka berkata, "Kalau begitu, berilah kami keadilan, kerana kami tidak akan membela perkara ini denganmu." Dia berkata, "Kalau begitu, lantiklah sesiapa pun mengikut kehendak kamu, dan kita akan membawa perkara ini kepadanya untuk penghakiman." Mereka berkata, "(Kami pilih) tukang tilik puak Banu Sa'd ibn Hudhaim." Dia berkata, "Ya (setuju)." Orang yang mereka pilih itu tinggal di kawasan sempadan Syam.

'Abdul-Muttalib bersama beberapa orang anak Abd Manaf memulakan perjalanan ke Syam. Bersama mereka dalam perjalanan itu ialah sekumpulan orang dari setiap puak kecil Quraisy. Di hadapan mereka dan destinasi mereka terbentang padang pasir luas yang tiada kampung atau penempatan, jadi, perjalanan itu tidak akan mudah. Pada suatu ketika dalam perjalanan itu, 'Abdul-Muttalib dan teman-temannya kehabisan air. Kemudian mereka berasa dahaga untuk tempoh yang lama sehingga merasakan bahawa kematian sudah hampir. Walau bagaimanapun, puak-puak kecil yang lain ada membawa air, tetapi apabila anak-anak 'Abd-Manaaf meminta air dari mereka, permintaan itu ditolak dengan alasan, "Kami berada di padang pasir, dan kami takut nasib yang menimpa kamu akan menimpa kami juga (sekiranya kami terlalu bebas berkongsi air kami)." 'Abdul-Muttalib berkata kepada teman-temannya, "Saya rasa setiap orang di antara kamu harus menggali kuburnya sendiri sekarang, dengan menggunakan tenaga yang masih ada padamu. Apabila seorang di antara kamu meninggal, yang lain boleh menolaknya ke dalam lubangnya dan kemudian mengebumikannya, sehinggalah tinggal seorang lelaki sahaja, kerana adalah lebih baik seorang lelaki yang hilang (tanpa pengkebumian) berbanding keseluruhan rombongan hilang." Mereka berkata, "Sungguh tepat arahan yang telah engkau berikan kepada kami."

Setiap orang di kalangan mereka menggali kuburnya dan kemudian duduk menunggu kematian. Tetapi kemudian 'Abdul Muttalib berkata kepada mereka, "Demi Allah, dengan kita membunuh diri begini tidak akan menjadikan kita layak mendapat pujian di bumi, dan kita tidak seharusnya lemah begini. Mungkin Tuhan akan menyediakan air bagi kita di sesuatu tanah (di hadapan kita), jadi bersedia lah untuk meneruskan perjalanan." Mereka sedang bersiap untuk berangkat, apabila 'Abdul Muttalib menyuruh untanya berdiri, memancut keluar dari bawah kakinya perigi air segar. 'Abdul-Muttalib dan teman-temannya berseru, "Allahuakbar (Allah Maha Besar)!" Mereka semua minum air dan mengisi bekas air mereka. Mereka kemudian menjemput puak-puak kecil Quraisy lain yang telah menyaksikan setiap langkah mereka. 'Abdul Muttalib berkata, "Datanglah ke air ini, kerana Tuhan telah menyediakan minuman bagi kita." Mereka datang, minum dan mengisi bekas air mereka. Kemudian mereka berkata, "Demi Allah, kami tidak akan memasuki pertikaian dengan kamu lagi mengenai Zamzam, kerana Tuhan Yang telah memberi kamu air ini untuk diminum di padang pasir yang tandus ini, itulah Tuhan juga yang telah memberi kamu Zamzam. Jadi, pulanglah ke tempat air kamu." Oleh sebab tiada gunanya lagi pergi ke tempat tukang tilik puak Banu Sa'd, mereka semua kembali ke Makkah, dan sejak itu tidak seorang pun membantah hak 'Abdul Muttalib untuk menguasai telaga Zamzam sepenuhnya.

(b) Tentera bergajah Abrahan

Quraisy sejak dahulu memegang kepercayaan bahawa Baitullah atau Rumah Tuhan mempunyai tempat kehormatan khusus di mata Tuhan yang sendiri pelindung dan pembelanya. Kepercayaan Quraisy terhadap kesucian Kaabah jelas dilihat menerusi perbualan antara Abrahan dan Abdul Muttalib. Abrahan telah merampas dua ratus ekor unta milik Abdul Muttalib, lalu Abdul Muttalib menemuinya dan memohon izin berjumpa Abrahan. Abrahan menghormati Abdul Muttalib dengan penuh hormat dan turun dari takhtanya serta mendudukkannya di sisinya. Apabila ditanya tujuan kedatangannya, Abdul Muttalib menjawab bahawa dia mahu Raja mengembalikan dua ratus ekor untanya yang dirampas.

Abrahan terkejut, lalu bertanya kepada Abdul Muttalib, "Adakah engkau mahu bercakap tentang dua ratus ekor unta yang aku rampas, namun engkau senyap tentang Rumah agamamu dan agama nenek moyangmu, yang aku datang untuk memusnahkannya?" Abdul Muttalib dengan berani menjawab "Aku pemilik unta-unta itu dan Rumah itu mempunyai Pemilik yang akan mempertahankannya sendiri".

Abrahan berkata lagi, "Bagaimana ia boleh diselamatkan dariku?" "Itu urusan antara engkau dengan Dia," jawab Abdul Muttalib. Siapakah yang berani mencederakan atau melirik dengan jahat Rumah Tuhan? Perlindungannya, sesungguhnya, tanggungjawab Tuhan.

Abrahan al-Ashram, merupakan gabenor kepada Najashyi, Raja Habsyah, di Yaman, beliau telah membina sebuah gereja yang megah di San'a dan dinamakan al-Qullays. Beliau berhasrat untuk mengalihkan haji orang Arab ke gereja ini. Sebagai seorang Kristian, Abrahan berasa amat tersinggung bahawa Kaabah kekal menjadi tempat suci yang menarik kumpulan jemaah haji dari hampir setiap kaum Arab. Beliau mahukan gerejanya menggantikan Kaabah sebagai tempat paling suci di tanah Arab.

Namun, ini merupakan sesuatu yang memalukan bagi orang Arab. Pemujaan terhadap Kaabah sudah menjadi tabiat orang Arab: mereka tidak menyamakan mana-mana tempat ibadat lain dengan Kaabah atau menukarkannya dengan apa pun yang sangat bernilai. Niat Abrahan yang diisyiharkan itu membuatkan mereka berasa geram. Sebilangan pahlawan Kinnani yang menerima cabaran itu dan salah seorang daripada mereka mencemarkan gereja itu dengan membuang najis di dalamnya. Ini menyebabkan isu yang serius. Abrahan berasa marah sangat dan bersumpah bahawa beliau tidak akan berhenti sehingga beliau memusnahkan Kaabah.

Abrahan mengetuai pasukan kuat yang termasuk sebilangan besar gajah ke arah Mekah. Orang Arab telah mendengar kisah yang menakutkan tentang gajah. Berita tersebut membuat mereka bingung dan terperanjat. Sesetengah suku kaum Arab bahkan cuba menghalang kemaraan tentera Abrahan, namun mereka segera sedar bahawa mereka tidak berupaya untuk berdepan dengan pedang dengan tentera beliau. Maka meninggalkan perkara tersebut kepada Tuhan dengan meletakkan kepercayaan mereka pada-Nya untuk melindungi tempat suci tersebut.

Quraisy melarikan diri ke puncak bukit dan lembah berbatu curam untuk menyelamatkan diri daripada keganasan tentera Abrahan. Abdul Muttalib dan beberapa orang dari Quraisy memegang pintu Kaabah, sambil berdoa dan merayu kepada Tuhan untuk menolong mereka

menentang Abrahah. Sementara itu, Abrahah menghimpunkan tenteranya untuk memasuki bandar dan menyediakan gajahnya, Mahmud, untuk menyerang. Dalam perjalanan ke bandar itu, gajah tersebut berlutut dan enggan bangkit walaupun dipukul dengan teruk. Tetapi apabila mereka menghalakannya ke arah Yemen, ia bangun dengan serta merta dan mula bergerak. Kemudian Tuhan menghantar kawanan burung, setiap satunya membawa batu dalam cengkamannya. Semua yang terkena batu-batu itu mati. Tentera itu berundur ketakutan melalui jalan yang mereka lalui semula, sambil terus terkena batu dan gugur mati di jalan tersebut. Abrahah juga terkena tempias dengan teruk, apabila tenteranya cuba membawanya pulang, anggota badannya terlucut satu demi satu, sehingga beliau berakhir dengan nazak sampai ke San'a. Insiden itu juga disebut dalam al-Quran.

*Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) Gajah, (yang hendak meruntuhkan Kaabah)? (1) Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka dalam keadaan yang rugi dan memusnahkan mereka? (2) Dan ia telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasuk-pasukan (3) Yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah yang dibakar keras (4) Lalu ia menjadikan mereka hancur berkecaci seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat. (5)*

(Surah al-Fil)

#### Kesan Kegagalan Abrahah:

Apabila Tuhan menghalau tentera Abrahah dari Mekah dengan mereka hampir binasa dan tersungkur, serta menjatuhkan hukuman ke atas mereka, orang Arab sudah tentu memandang Quraisy dengan penuh hormat. Mereka berkata: "Sesungguhnya ini adalah umat Allah: Allah menewaskan musuh mereka, dan mereka tidak perlu berperang melawan penyerang itu."

Penghormatan orang ramai terhadap Kaabah secara semula jadi meningkat memperkuuh keyakinan mereka terhadap kesuciannya. Ia tanpa ragu sebuah mukjizat, tanda kedatangan seorang Nabi yang akan membersihkan Kaabah dari pencemaran berhala. Ia juga petunjuk bahawa kehormatan Kaabah akan meningkat dengan titah terakhir yang akan dibawa oleh Baginda. Boleh dikatakan bahawa insiden itu telah meramalkan kedatangan nabi yang hebat.

Orang Arab meletakkan terlalu banyak kepentingan, dan memang sewajarnya, kepada peristiwa hebat ini. Mereka menubuhkan kalender baru bermula dari tarikh kejadiannya. Oleh itu, dapat kita lihat dalam tulisan mereka seperti sesuatu peristiwa berlaku pada tahun Gajah, atau beberapa orang dilahirkan pada tahun itu, atau sesuatu insiden berlaku beberapa tahun selepas Tahun Gajah. Tahun mukjizat ini adalah 570 Masihi.

## **SESI KELIMA: KEHIDUPAN BAGINDA SEBELUM DIUTUSKAN SEBAGAI RASUL**

Riwayat-riwayat yang sabit berkenaan kehidupan Baginda s.a.w. sebelum diutuskan sebagai Rasul menunjukkan kepada kita beberapa hakikat berikut:

1. Bani Hasyim merupakan keturunan Quraisy yang paling mulia. Manakala Quraisy pula adalah kabilah 'Arab yang paling mulia dan berketurunan bersih. Mereka juga memiliki kedudukan yang paling tinggi di kalangan bangsa Arab. Diriwayatkan daripada al-Abbas r.a., daripada Rasulullah s.a.w., Baginda bersabda:

*"Sesungguhnya Allah mencipta makhluk ini, lalu Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik makhluk dan daripada sebaik-baik kelompok mereka (manusia). Dia juga menjadikan aku daripada sebaik-baik kumpulan di antara dua kumpulan (Arab dan bukan Arab). Kemudian Dia meneliti pemilihan kabilah-kabilah secara rapi, maka Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik kabilah (Quraisy). Kemudian Dia meneliti pemilihan keluarga secara rapi, maka Dia menciptakan aku daripada sebaik-baik keluarga (Bani Hasyim). Sementara aku adalah sebaik-baik jiwa (sehingga dipilih menjadi rasul dan penutup segala nabi) dan sebaik-baik keluarga di kalangan mereka. (asal-usul keturunan ibu bapa dan nenek moyang Baginda tiada yang lahir daripada perzinaan, bahkan melalui pernikahan yang sah)".  
(Riwayat at-Tirmizi dengan sanad yang sahih).*

Oleh kerana keturunan Baginda s.a.w. adalah mulia di kalangan Quraisy, kita tidak temui isu keturunan menjadi bahan celaan mereka terhadap Nabi s.a.w.. Ini disebabkan kemuliaan keturunan Baginda cukup jelas kepada mereka. Quraisy telah mencela Baginda dengan banyak isu yang direka-reka tetapi bukan dalam isu keturunan.

2. Baginda membesar sebagai anak yatim. Bapa Baginda, Abdullah telah meninggal dunia ketika ibu Baginda baru mengandungkan Baginda dua bulan. Apabila Baginda berusia 6 tahun, ibu Baginda, Aminah pula meninggal dunia. Oleh itu, semasa kecil Baginda s.a.w. telah merasai pahit maung tidak mendapat belaian kasih sayang ibu bapa. Selepas itu, Baginda telah dipelihara oleh datuk Baginda, Abdul Muttolib. Ketika berumur 8 tahun, datuk Baginda pula meninggal dunia. Dengan itu Baginda selanjutnya dipelihara oleh bapa saudara Baginda, Abu Tolib sehingga Baginda besar dan dewasa. Keyatiman Baginda ini telah disebut oleh al-Quran al-Karim dengan firman Allah Taala:

اللَّهُ يَعْلَمُ كُلَّ شَيْءٍ فَلَا يُؤَاخِذُكَ إِنْ تَتَبَرَّأَ مِنْ أَهْلِ الْمَسْكِنِ (٦)

*Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lain Dia memberikan perlindungan?  
(Ad-Dhuha: 6)*

3. Rasulullah SAW menghabiskan empat tahun pertama zaman kanak-kanak di padang pasir, di perkampungan Bani Saad. Oleh itu, Baginda membesar dengan tubuh yang kuat, jasmani yang sejahtera, lidah yang fasih, jiwa yang berani dan mampu menunggang kuda dengan baik sekalipun masih kecil usianya. Bakat-bakat Baginda terasah dalam kemurnian dan keheningan padang pasir, dibawah kilauan pancaran matahari dan udara yang bersih.

4. Keunggulan Baginda telah diketahui sejak kecil lagi. Tampak pada roman mukanya tanda-tanda kecerdikan yang menimbulkan rasa sayang kepada sesiapa yang melihat Baginda. Apabila Rasul s.a.w. datang ke majlis datuknya semasa zaman kanak-kanak, Baginda duduk di atas tilam datuknya. Sedangkan jika datuknya duduk di atas tilam itu, tiada seorangpun anak-anaknya (bapa saudara Rasul) akan duduk di atasnya. Oleh itu, bapa-bapa saudara Baginda cuba menariknya daripada tilam tersebut. Lantas Abdul Muttolib berkata: Biarkan cucuku ini. Demi Allah dia memiliki keistimewaan.
  
5. Pada awal remaja, Baginda s.a.w. mengembala kambing untuk penduduk Makkah dengan bayaran upah beberapa qirat (1/24 dinar). Telah sabit daripada Baginda SAW bahawa Baginda bersabda:

مَا مِنْ نَبِيٍّ إِلَّا قَدْ رَغِيَ الْغَنَمَ قَالُوا: وَأَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: وَأَنَا

*Semua nabi pernah mengembala kambing. Mereka bertanya: Kamu juga wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Aku juga begitu.*

Dalam riwayat lain, Baginda bersabda:

مَا بَعَثَ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا رَغَى الْغَنَمَ قَالَ لَهُ أَصْحَابُهُ: وَأَنْتَ يَا رَسُولُ اللَّهِ؟ فَأَجَابَ: وَأَنَا رَغِيْتُهَا لِأَهْلِ مَكَّةَ عَلَى قَرَارِيطِ

*Semua Nabi yang diutuskan Allah pernah mengembala kambing. Maka sahabat Baginda bertanya kepadanya: Kamu juga wahai Rasulullah? Lantas Baginda menjawab: Aku juga begitu. Aku pernah mengembala kambing untuk penduduk Makkah dengan upah beberapa qirat.*

Kemudian, apabila umur Baginda mencapai 25 tahun, Baginda bermiaga untuk Khadijah binti Khuwailid. Baginda bermiaga bermodalkan harta Khadijah dengan mendapat bayaran upah.

6. Baginda s.a.w. tidak menyertai rakan-rakan sebayanya di kalangan remaja Makkah dalam bersukaria dan berfoya-foya. Allah telah memelihara Baginda daripada terlibat dalam gejala tersebut. Kitab-kitab sirah menceritakan dengan panjang lebar, semasa usia remajanya, Baginda terdengar suara nyanyian daripada salah sebuah rumah di Makkah sempena majlis perkahwinan. Baginda teringin menyaksikannya. Tetapi Allah menjadikan Baginda tertidur. Baginda hanya terjaga setelah matahari panas terik. Baginda juga tidak terlibat Bersama kaumnya menyembah berhala, makan sembelihan untuk berhala, minum arak dan bermain judi. Baginda juga tidak pernah bercakap celupar dan berkata kesat.
  
7. Sejak Baginda mula mumayyiz, Baginda dikenali mempunyai akal yang matang dan pandangan yang bernas. Peristiwa perlentakan Hajarul Aswad ke tempatnya di Kaabah menjadi bukti yang jelas terhadap perkara ini. Kaabah telah dilanda banjir menyebabkan dindingnya retak. Oleh itu, penduduk Makkah membuat keputusan meruntuhkannya dan memperbaharui binaannya. Mereka melaksanakan keputusan itu. Namun, apabila pembinaan sampai ke peringkat meletak Hajarul Aswad ke tempat asalnya, mereka bertengkar tentang siapakah yang akan mendapat penghormatan untuk meletak Hajarul Aswad ke tempatnya. Setiap kabilah ingin mendapat penghormatan itu. Pertelingkahan bertambah hebat sehingga mereka saling mengancam untuk berperang. Kemudiannya mereka bersetuju untuk merujuk kepada orang pertama yang memasuki pintu masuk Bani Syaibah (salah satu pintu Masjidil Haram) sebagai hakim.

Sejurus kemudian, orang pertama yang memasuki masjid melalui pintu itu ialah Rasulullah s.a.w.. Apabila mereka melihat Baginda, mereka berkata: Ini al-Amin (gelaran kepada Rasulullah s.a.w.). Kami rela dengan hukumannya. Apabila Baginda diberitahu tentang pertelingkahan tersebut, Baginda menyelesaikan masalah itu dengan penyelesaian yang dipersetujui oleh semua pihak yang bertelingkah. Baginda membentangkan kain selendangnya, kemudian mengambil Hajarul Aswad dan diletakkan ke atas kain itu. Baginda kemudiannya menyuruh setiap kabilah niemegang hujung selendang. Apabila mereka mengangkatnya dan Hajarul Aswad itu tiba ke tempat letaknya, Baginda mengambil dan meletakkannya ke tempatnya dengan tangan Baginda. Mereka semua berpuashati. Allah telah mengelakkan daripada berlaku pertumpahan darah orang-orang Arab melalui kecerdikan dan kebijaksanaan akal Baginda sehingga ke satu tempoh yang hanya diketahui oleh Allah.

8. Semasa remaja, Baginda s.a.w. dikenali sebagai seorang yang jujur dan amanah dalam kalangan kaumnya, Baginda terkenal dengan hubungan baik, menepati janji, perjalanan hidup mengikut landasan yang lurus dan reputasi baik. Ini menarik minat Khadijah untuk memberi tawaran kepada Baginda agar memperniagakan harta dagangannya melalui sebuah kafilah yang pergi ke kota Busra setiap tahun. Khadijah telah menyerahkan harta dagangan kepada Baginda, sekali ganda lebih banyak berbanding yang diberikan kepada lelaki daripada kaumnya sendiri. Apabila Baginda pulang ke Makkah, hamba Khadijah, Maisarah telah menceritakan kepadanya sikap amanah dan ikhlas Baginda. Khadijah juga melihat keuntungan banyak yang diperolehi dalam perniagaan tersebut. Kesemua itu mendorong beliau untuk menggandakan upah Baginda daripada yang telah dijanjikan. Perkara ini juga menarik minat Khadijah untuk melamar Baginda. Baginda telah menerima lamaran Khadijah sedangkan Baginda 15 tahun lebih muda daripadanya. Kata-kata Khadijah merupakan perakuan terbaik terhadap kebaikan akhlak Baginda sebelum kenabian. Kata-kata ini beliau ungkapkan ketika menenangkan Baginda yang pulang dalam keadaan menggeletar ketakutan setelah didatangi wahyu di Gua Hira: "Tidak sekali-kali. Demi Allah, Allah tidak akan sekalikali menghina kamu. Kamu menghubungkan silaturrahim, membela pihak yang lemah, memberi pendapatan kepada yang tidak berharta, memuliakan tetamu dan menolong mereka yang berhak."
9. Baginda bermusafir keluar dari Makkah sebanyak dua kali. Pertama, bersama bapa saudara Baginda, Abu Tolib ketika berusia 12 tahun. Kedua, ketika berusia 25 tahun, sebagai peniaga kepada harta dagangan Khadijah. Kedua-dua destinasi perjalanan ini ialah kota Busra di Syam. Dalam kedua-dua perjalanan ini, Baginda mendengar perbualan para peniaga, melihat kesan-kesan negara yang dilaluinya, juga adat-adat yang diamalkan oleh penduduknya.
10. Beberapa tahun sebelum diutuskan sebagai Nabi, Allah telah menimbulkan rasa cinta kepada Baginda s.a.w., untuk pergi ke Gua Hira (sebuah bukit yang berdekatan dengan Makkah dan terletak di barat laut Makkah). Baginda berkhalwah di dalamnya selama sebulan (iaitu dilakukan dalam bulan Ramadhan. pent.) kerana memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah dan kehebatan kekuasaan-Nya. Perkara ini berterusan sehingga datang wahyu dan turunnya al-Quran al-Karim kepada Baginda.

## Pengajaran dan Pedoman

Daripada kisah-kisah di atas, pengkaji akan mendapati beberapa pengajaran dan kesimpulan seperti berikut:

1. Sekiranya pendakwah kepada Allah atau pengislah berada di kedudukan yang mulia di kalangan masyarakat, orang ramai akan lebih tertarik untuk mendengar seruannya. Menjadi kebiasaan, masyarakat akan memperlehkan para pengislah dan pendakwah sekiranya mereka berasal daripada latar belakang yang tidak dikenali atau keturunan yang hina. Apabila pendakwah yang menyeru masyarakat merupakan orang yang berketurunan mulia atau mempunyai kedudukan, mereka tidak mampu mentohmah pendakwah tersebut. Mereka hanya mampu mereka-reka fitnah bagi melepaskan diri daripada mendengar dakwah atau kata-katanya. Oleh kerana itu, setelah Rasul s.a.w. mengirimkan surat kepada Hercules (Maharaja Rom) mengajak beliau dan kaumnya kepada Islam, soalan pertama yang ditanyakan oleh Hercules kepada Abu Suffian ialah: "Bagaimanakah keturunan Muhammad dalam masyarakatmu?" Abu Suffian menjawab, (ketika itu beliau masih lagi musyrik): "Dia daripada keturunan kami yang paling mulia." Apabila Hercules selesai bertanya dan mendengar jawapan Abu Suffian tentang diri Baginda, Hercules menerangkan rahsia soalansoalan yang dikemukakannya. Hercules berkata kepada Abu Suffian: "Aku tanyakan kepadamu, bagaimanakah keturunannya? Kamu mendakwa bahawa dia daripada keturunan kamu yang paling mulia. Demikianlah, Allah hanya memilih nabi daripada golongan yang mulia dalam kaumnya dan mempunyai keturunan yang paling baik." Benar, Islam tidak meletak apa-apa nilai kepada kemuliaan keturunan dalam menilai amalan seseorang. Namun, seseorang menjadi lebih mulia, berkedudukan dan mudah menempa kejayaan jika dia berketurunan dan berkeperibadian mulia. Sebagaimana dalam sebuah hadis sahih disebut:

خِيَارُهُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ خِيَارُهُمْ فِي الْإِسْلَامِ إِذَا فَقَهُوْا

*Mereka yang terpilih semasa jahiliah adalah juga mereka yang terpilih semasa Islam sekiranya mereka memahami.*

2. Ketabahan pendakwah menanggung keperitan sebagai anak yatim atau kesusahan hidup semasa kecil, menjadikan beliau lebih sensitif dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia. Dia menjadi lebih belas simpati kepada anak yatira, orang miskin dan mereka yang diseksa. Ia juga menjadikan beliau berusaha untuk berlaku adil, melakukan kebajikan dan mengasihi golongan ini. Setiap pendakwah perlu kepada asset peri kemanusiaan yang mulia untuk membolehkan beliau merasai kesengsaraan orang yang lemah dan susah. Tiada yang boleh membekalkan perasaan kemanusiaan ini kepadanya kecuali beliau sendiri mengalami kesulitan yang dirasai oleh golongan yang lemah seperti anak-anak yatim, para fakir dan miskin.
3. Pendakwah yang hidup dalam suasana yang lebih hampir kepada fitrah semulajadi dan jauh daripada kehidupan kompleks, kemurnian fikiran, kekuatan akal, tubuh badan dan jiwa juga kesejahteraan rasional dan pemikiran akan mudah dibentuk. Oleh kerana itu, Allah tidak memilih orang Arab untuk melaksanakan risalah Islam secara kebetulan atau tanpa tujuan. Bahkan kerana mereka lebih berjiwa murni, berpemikiran sejahtera dan berakhlaq mantap. Mereka lebih cekal menanggung kesukaran perang di jalan Allah dan menyebarkan risalah-Nya ke seluruh ceruk dunia jika dibandingkan dengan bangsa bertamadun yang berjiran dengan mereka.

4. Hanya orang yang cerdik dan cerdas layak memegang tampuk dakwah dan kepimpinannya. Orang yang bodoh dan sederhana pandai tidak layak menyandang kepimpinan gagasan, pengisian mahupun kerohanian. Bahkan antara peraturan hidup, mereka yang bodoh, berpemikiran bercelaru dan pelik, tidak layak memimpin mana-mana bidang kehidupan. Sekiranya secara kebetulan atau situasi yang ada memberi peluang kepada mereka untuk memegang pusat kepimpinan, dia akan jatuh menjunam. Masyarakat akan memecatnya setelah mendapati tindak tanduknya menunjukkan kebodohan, kejanggalan dan pemikirannya yang bercelaru.
5. Dalam urusan sara hidup, seseorang pendakwah perlu bergantung kepada usaha peribadinya dan sumber pencarian yang mulia. Dia tidak mengemis, merendah harga diri atau hina. Pendakwah yang benar dan mulia tidak rela hidup dengan hasil sedekah dan pemberian orang. Adakah mereka masih lagi mempunyai harga diri setelah mereka sendiri bertindak menjatuhkan maruah diri dengan sibuk meminta dan mengemis, walaupun bukan secara terang-terangan?! Apabila kita temui ada yang mendakwa dirinya berdakwah dan memberi tunjuk ajar, namun dalam masa yang sama sibuk mengaut harta orang ramai dengan bermacam-macam helah, sebenarnya dia menghina diri sendiri. Bagaimana pula kaum dan jiran memandangnya?! Sesiapa yang merelakan dirinya hina, bagaimana dia mampu mengajak kepada kemuliaan akhlak, berdiri teguh menghadapi thaghut dan membuat fasad, memerangi kejahatan dan kerosakan, serta membangkitkan roh kemuliaan, harga diri dan istiqamah dalam diri umat?!
6. Kehidupan pendakwah yang lurus semasa remaja dan perjalanan hidup yang baik lebih menjamin kejayaan beliau dalam dakwah kepada Allah, pengisian akhlak dan memerangi mungkar. Ini kerana, dia tidak akan berhadapan dengan orang yang mencemuh keperibadiannya ketika dia masih belum berkecimpung dalam dakwah. Ramai yang kita temui melakukan dakwah islah, khususnya pengisian akhlak; faktor terbesar orang ramai menolak mereka ialah komen terhadap latar belakang hidup mereka yang tercemar dan akhlak mereka yang menyeleweng. Bahkan rekod masa lampau yang buruk menimbulkan keraguan terhadap kejujuran pendakwah seperti mereka. Mereka ditohmah berselindung di sebalik dakwah islah untuk mencapai sesuatu tujuan. Mereka juga dituduh hanya memulakan seruan pengisian setelah merasa puas dengan kelazatan hidup dan syahwat. Mereka dianggap telah berada dalam kondisi atau usia yang tiada harapan lagi untuk mengejar kebendaan, harta, kemasyhuran atau kemegahan. Sementara itu, pendakwah yang hidup di atas landasan yang betul semasa remajanya akan sentiasa mengangkat kepala (tidak boleh diperendah-rendahkan) dengan dahi yang berseri-seri. Musuh-musuh pengisian tidak menemui jalan untuk mencemuh masa lalunya yang terdekat mahupun yang lampau. Mereka tidak mampu mengeksplorasi sejarah lampau yang terpesong untuk memburukkan namanya atau mengajak orang ramai memperlekehkannya. Betul, Allah menerima taubat orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya dengan jujur dan ikhlas. Allah menghapuskan kejahatan yang lalu dengan kebaikan beliau yang kini. Akan tetapi, perkara ini tidak sama dengan pendakwah yang menunggu-nunggu kejayaan dakwahnya, disebabkan perjalanan hidupnya yang sentiasa berada di atas landasan yang lurus dan reputasinya yang baik.
7. Pengalaman pendakwah berkelana, bergaul dengan orang ramai, memahami adat, situasi dan masalah mereka, memberi kesan besar kepada kejayaan dakwahnya. Pendakwah yang berinteraksi dengan orang ramai hanya melalui buku dan esei tanpa bergaul dengan

mereka yang mempunyai berbagai aliran, adalah golongan yang gagal dalam dakwah islah. Orang ramai tidak akan mendengar kata-kata mereka. Seruan mereka tidak akan dapat diterima oleh akal, kerana orang ramai melihat mereka jahil tentang kondisi dan permasalahan masyarakat. Sesiapa yang mahu mengislah golongan beragama, dia perlu hidup bersama mereka di masjid, di majlis dan dalam masyarakat mereka. Sesiapa yang ingin mengislah golongan buruh dan peladang, dia mesti hidup dengan mereka di kampung dan kilang. Makan bersama di rumah mereka dan berbual dengan mereka dalam persekitaran masyarakat mereka. Sesiapa yang ingin mengislah urus niaga yang berlaku dalam masyarakat, dia patut bergaul dengan mereka di pasar, gedung perniagaan, kilang, kelab dan majlis mereka. Sesiapa yang berhasrat mengislah keadaan politik, dia hendaklah bercampur dengan ahli-ahli politik, mengenali organisasi mereka, mendengar ucapan mereka, membaca perjalanan program dan parti mereka. Dia juga perlu mengenal pasti persekitaran mereka tinggal, latar belakang pengetahuan yang mereka jadikan sumber dan hala tuju mereka. Agar dia tahu bagaimana bercakap dengan mereka tentang sesuatu perkara dan perkara tersebut tidak menyebabkan mereka menjauhkan diri. Lantaran itu, dia dapat mengetahui bagaimana melakukan pengislahan terhadap mereka melalui strategi yang tidak mendorong mereka memeranginya disebabkan rasa benci dan beremosi. Itulah pengalaman hidup dan pengetahuan berkaitan kemanusiaan yang mesti dimiliki oleh pendakwah. Ini membolehkannya merealisasikan firman Allah Taala:

أَذْعُ إِلَيْ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُؤْعِظَةِ الْخَيْرَةِ

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik. (An-Nahl: 125)*

Alangkah indahnya kata-kata yang ma'thur:

خاطِبُوا النَّاسَ عَلَى قَدْرِ عُقُولِهِمْ، أَتَرْ يَدُونَ أَنْ يُكَذِّبُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

*"Hendaklah kamu berucap kepada manusia mengikut tahap kemampuan akal mereka. Adakah kamu mahu Allah dan Rasul-Nya didustakan?"*

8. Dari masa ke semasa, pendakwah kepada Allah mestilah mempunyai waktu untuk dia bersendiri. Dalam tempoh itu, rohnya berhubung dengan Allah Jalla Sya'nuh. Jiwanya dibersihkan daripada kotoran akhlak tercela dan kehidupan kacau bilau di sekelilingnya. Bersendiri seumpama ini akan mengajak pendakwah memuhasabah diri, andainya dia cuai melakukan kebaikan, tergelincir dari landasan yang dituju dan menjauhi jalan hikmah. Boleh jadi dia melakukan kesilapan dalam cara, manhaj dan jalan, atau dia tenggelam bersama orang ramai dalam perdebatan dan perbincangan. Sehingga dia alpa daripada zikrullah, bermesra dengan-Nya dan lupa mengingati akhirat sama ada syurga mahupun neraka. Perdebatan tersebut menyebabkannya lupa tentang kesengsaraan dan kesakitan mati. Oleh kerana itu, tahajjud dan qiamullail menjadi fardhu bagi Nabi s.a.w. dan hanya sunat kepada orang lain. Orang yang sepatut mengambil berat amalan sunat ini ialah para pendakwah ke jalan Allah, syariat dan syurga-Nya. *Khulwah* (bersendirian), tahajjud dan qiamullail di penghujung malam mempunyai kelazatan yang tidak diketahui kecuali mereka yang Allah muliakan melalui amalan-amalan tersebut. Ibrahim bin Adham rahimahullah berkata seketika selepas bertahajjud dan beribadat: "Kelazatan yang kami

kecapi jika diketahui oleh raja-raja, pasti mereka akan memerangi kami demi memperolehinya."

Cukuplah untuk pedoman kita, firman Allah Tabaraka wa Taala yang ditujukan kepada Baginda s.a.w.:

يَا أَيُّهَا الْمُرْسَلُونَ (1) قُمُّ اللَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا (2) نِصْفُهُ أَوْ اثْقَلُهُ مِنْهُ قَلِيلًا (3) أَوْ زُدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا (4) إِنَّا سَنُنْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا  
نَقِيلًا (5) إِنَّ نَاسَيْنَةَ اللَّيْلِ هُنَّ أَشَدُّ وَطْنًا وَأَقْوَمُ قَبْلًا (6)

*Wahai orang yang berselimut! Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat). Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu. Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Quran dengan "Tartil". (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya). Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya. (Al-Muzzammil: 1- 6)*

### **BAHAGIAN C: PENILAIAN (QUIZ):**

1. Apakah nama kabilah yang paling mulia Nabi Muhammad S.A.W berasal?
  - A) Bani Muthalib
  - B) Bani Hasyim
  - C) Bani Umayyah
2. Di manakah Nabi Muhammad S.A.W. menghabiskan empat tahun pertama zaman kanak-kanak?
  - A) Mekah
  - B) Madinah
  - C) Bani Saad
3. Dengan siapakah Nabi Muhammad S.A.W. pergi berdagang pada umur 25 tahun?
  - A) Abu Lahab
  - B) Khadijah binti Khuwailid
  - C) Abu Talib
4. Apakah peristiwa yang berlaku sebelum kenabian yang melibatkan Nabi Muhammad S.A.W. dan Hajarul Aswad?
  - A) Peperangan dengan pegawai Quraisy
  - B) Menyelesaikan konflik dengan Quraisy
  - C) Pembaharuan Kaabah
5. Apakah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. di Gua Hira?
  - A) Melakukan Uzlah
  - B) Kaji buku-buku terdahulu
  - C) Menulis ayat-ayat al-Quran

#### **BAHAGIAN D: RUJUKAN:**

1. First references - Buku Melayu (Accessible by public)
  - a. Fikih Sirah (Terjemahan فقه السيرة oleh Dr. Sa'id Muhammad Ramadhan al-Buti, diterjemahan oleh Dr. Lutfi Fathullah, Indonesia)
  - b. Sirah Nabi Muhammad SAW, Pedoman dan Pengajaran, Dr. Mustafa al-Siba`ie (Terjemahan)
  - c. Sirah Nabawiyah Ibnu Hisyam (Terjemahan)
2. Second references - intermediate level (English/Arab)
  - a. Muhammad Rasulullah The Apostle of Mercy, Syeikh Abu Hasan Ali al-Nadwi, translated by Mohiuddin Ahmad
  - b. The Noble Lif of Prophet, Dr. Ali Muhammad Al Sallabi, translated by Faisal Syafeeq
3. Third reference - more advanced level (Arabic)
  - a. مصادر السيرة النبوة و تقويمها، الدكتور فاروق حمادة
  - b. السيرة النبوية، لأبي حسن علي الندوي
  - c. السيرة النبوة، عرض الواقع والأحداث، للدكتور علي محمد الصلاي
  - d. فقه السيرة النبوية مع موجز لتاريخ الخلافة الراشدة، للدكتور سعيد محمد رمضان البوطي